


**Jilid II
Bil. 57**



**Hari Khamis
4hb Disember, 1980**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 22]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 22]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 [Ruangan 33]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2), 1980 [Ruangan 34]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N.
(Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,
D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,
P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.MN.
(Batu Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHAFIFF AHMAD,
D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J.,
D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P.
(Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.
(Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T.
(Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN,
S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Kluang).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N., (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- ” DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.N.M., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMED SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (JULAU).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 4hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
Tuan Oo Gin Sun.

(Soalan No. 1 Y. B. Tuan Oo Gin Sun
tidak hadir)

**AP (APPROVED PERMIT) KEPADA
BUMIPUTRA**

2. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta
Menteri Perdagangan dan Perindustrian
menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa permit AP hanya diberi kepada segelintir pengimport Bumiputra sahaja tanpa memberi peluang kepada pengimport Bumiputra yang lain terutama AP kereta pakai;
- (b) jika sedar mengapakah perlu sesebuah syarikat Bumiputra itu diberi kuota sehingga lima tahun dan sedarkah beliau dengan membuat demikian akan menyekat peluang Bumiputra yang lain untuk turut berniaga sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru; dan
- (c) apakah Kementerian bercadang untuk mengkaji perkara ini agar nikmatnya dirasai oleh ramai Bumiputra.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri
Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri
Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang

di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah barang-barang yang dikenakan lesen import adalah dianggarkan cuma 4% sahaja dari jumlah barang-barang yang diimport atau dieksport di Malaysia. Dari jumlah barang-barang yang dikenakan lesen itu pula cuma 8 barang sahaja yang dikenakan kawalan kuota di mana keutamaan diberi kepada pengimport-pengimport dan peniaga-peniaga Bumiputra yang tulin dan benar-benar berniaga. Barang-barang tersebut termasuklah juga kereta-kereta terpakai.

Pemberian AP (Approved Permit) kepada semua syarikat Bumiputra dan yang mengaku sebagai Bumiputra akan menyebabkan pasaran kereta terpakai dipenuhi dengan terlalu banyak kereta. Dengan ini penjualan tidak lagi laris dan persaingan akan menjadi hebat. Dalam keadaan "buyers market" ini peniaga Bumiputra biasanya akan rugi dan akan menyerah perniagaan mereka kepada bukan Bumiputra. Ini telah berlaku dahulu di mana Bumiputra cuma menjadi menjual AP sahaja. Perbuatan ini tidak menguntungkan Bumiputra atau menjadikan penyertaan mereka dalam bidang perniagaan bermakna kerana kuota dikenakan hari ini ada peniaga Bumiputra yang maju jika kuota ini dibuka luas, yang maju akan lenyap dan yang baru akan tidak berjaya.

Oleh itu Kerajaan tidak bercadang mengubah dasar pengeluaran kuota.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi ada menyebut bahawa ada yang mengaku bumiputra. Apakah terdapat syarikat-syarikat yang bukan bumiputra tetapi mengaku bumiputra ataupun orang-orang yang bukan bumiputra mengaku bumiputra.

Kedua, apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk memberikan AP motokar kepada orang perseorangan lebih daripada satu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, biasanya syarikat yang mengaku dirinya bumiputra kadang-kadang terdapat bahawa apabila diperiksa bahagian yang bumiputra daripada syarikat itu ialah namanya sahaja tetapi mereka tidakpun mempunyai modal tersendiri ataupun kemudahan-kemudahan lain yang diuruskan oleh diri mereka sendiri. Mereka sebenarnya berselindung ataupun mereka memberi perlindungan kepada orang-orang yang lain yang bukan bumiputra. Sebab itu tiap-tiap permohonan yang dibuat terpaksa diperiksa terlebih dahulu kedudukan syarikat itu sama ada bumiputra benar atau tidak. Walaupun benar, kadangkala tidak dapat juga kita mengeluarkan AP kerana AP ini adalah terhad.

Berkenaan dengan permohonan daripada orang perseorangan, ini dapat dibenarkan oleh Kerajaan jika import itu ialah untuk kegunaan sendiri dan biasanya seorang cuma berkehendak kepada sebuah kereta sahaja kerana tidak mungkin seorang dapat naik dua kereta sesuatu waktu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed

Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada Kerajaan ada mengeluarkan AP ini kepada syarikat-syarikat yang diberikan lesen bagi memasang kereta. Sekiranya tidak, adakah beliau sedar tentang adanya syarikat-syarikat pemasangan kereta diberikan lesen-lesen ini untuk mengimport walaupun mereka sepatutnya tidak boleh berbuat begitu.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang memasang kereta biasanya tidak diberi lesen mengimport tetapi ada kalanya yang mana syarikat-syarikat ini terpaksa meminta syarikat lain untuk memasang keretanya kerana kita cuma membenarkan lesen pasang kereta ini kepada beberapa syarikat sahaja. Oleh kerana syarikat yang lain ini tidak dapat memasang semua kereta-kereta yang dikehendaki oleh mereka maka kadangkala terpaksa kita mengeluarkan lesen untuk mengimport kereta yang sudah dipasang tetapi kereta-kereta ini adalah kereta baru dan bukan kereta terpakai.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Perdana Menteri yang berkenaan adakah AP ini terhad kepada bumiputra sahaja dan apabila AP ini tidak dihabiskan sepertimana TATA mendapat AP yang banyak sekali, bolehkan AP ini transferable atau assigned kepada lain syarikat.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, AP ini bukanlah terhad kepada bumiputra sahaja tetapi keutamaan diberi kepada bumiputra dengan kerana perniagaan motokar ini dikuasai hampir 100% dahulunya oleh bukan bumiputra dan pihak bumiputra tidak dapat memasuki dalam bidang ini. Sebab itu apabila kita mengeluarkan AP kita juga gunakan AP ini untuk memberi peluang kepada bumiputra menyertai bidang perniagaan motokar yang membawa keuntungan yang lumayan ini. Tetapi waktu ini juga AP ada diberi kepada bukan bumiputra mengikut keadaan yang berlaku yang mana pemberian ini tidak dapat dielakkan.

Berkenaan dengan assignment AP ini kepada orang-orang lain, ini memang tidak dibenar dan jika didapati mana-mana orang yang mendapatkan AP membuat assignment kepada syarikat lain maka AP itu akan dibatalkan.

SEKOLAH DUA MASA

3. Dato' Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak bilik-bilik darjah baru dan sekolah-sekolah rendah baru akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Adakah bilangan bilik-bilik darjah dan sekolah-sekolah rendah baru ini mencukupi untuk menghapuskan sekolah dua masa (sesi). Jika tidak apakah rancangan jangka panjang yang dirancang untuk mencapai matlamat ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian Pelajaran bercadang untuk membina 12,000 bilik darjah dan 395 buah sekolah rendah baru dengan peruntukan sebanyak \$609.1 juta. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut dijangka belum dapat menghapuskan masalah dua sidang sepenuhnya. Adalah dianggarkan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia

Keempat, Kementerian Pelajaran akan dapat menyelesaikan kira-kira 23% sahaja daripada masalah dua sidang. Oleh yang demikian, sebagai rancangan jangka panjang Kementerian Pelajaran akan merancang untuk membina lebih banyak lagi bilik-bilik darjah di dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun seterusnya.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa ini mengenai soal pembinaan sekolah-sekolah masalahnya bukan soal peruntukan tetapi adalah soal pembinaan. Misalnya, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga hanya lebih kurang 60% sahaja daripada sekolah-sekolah yang telah-pun diluluskan telah dapat dibina. Oleh itu, apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul

Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah untuk membina sekolah-sekolah baharu adalah lebih luas daripada soal mengadakan peruntukan kewangan sahaja, kerana ini meliputi perkara-perkara seperti kemampuan dan keupayaan pihak pemborong-pemborong untuk menyiapkan kerja-kerja yang telah diserahkan kepada mereka dan selain daripada itu juga termasuk soal mendapat tapak yang sesuai untuk membina sekolah-sekolah.

Pihak Kementerian Pelajaran ada beberapa cadangan untuk memperbaiki prestasi pelaksanaan membina sekolah-sekolah baru, di antaranya ialah satu kajian kemungkinan bagi membina sekolah-sekolah secara pre-fab atau pre-fabricated sepertimana yang telah dijalankan di luar negeri dan cara ini nampaknya telah mendatangkan satu kesan yang baik di negeri-negeri yang mana menjalankan cara ini. Selain daripada itu, kita juga akan mengadakan satu sistem pengawasan atau monitoring yang lebih kemas dan lebih sistematik supaya mana-mana projek yang menghadapi kegagalan ataupun kebuntuan akan dapat kita cari jalan bagi memecahkan masalah itu dengan kadar yang lebih segera lagi.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai sekolah dua sidang, pagi dan petang adakah

matlamat atau dasar Kerajaan mahu membina 100% sekolah dua sidang ataupun sekadar beberapa peratus yang tertentu.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul

Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat kita untuk menghapuskan sekolah-sekolah dua sidang. Tetapi penghapusan ini hanya dapat dilakukan secara berperingkat-peringkat sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua,

soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada ada rancangan untuk membina sekolah-sekolah rendah jenis berbahasa Cina dan Tamil dalam Rancangan Malaysia Keempat. Dan kalau ada, berapa buah sekolah akan dibina.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul

Razak: Kalau Yang Berhormat itu hendak detail, saya memerlukan notis.

SUKATAN PELAJARAN RENDAH

4. **Dato' Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sukatan pelajaran sekolah-sekolah rendah sangat berat dan menumpukan kepada perkara-perkara yang memerlukan hafal perkara-perkara fakta dan sedikit benar masa diluahkan kepada kemahiran hubungan asas dan kira-kira. Jika sedar apakah langkah-langkah pembetulan akan diambil dalam perkara ini.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul

Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar akan muatan kurikulum untuk sekolah-sekolah rendah yang agak berat seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya perkara tersebut telah disarankan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran melalui Perakuannya No. 2, 55 dan 57.

Sukacita saya memaklumkan bahawa kajian untuk melaksanakan perakuan-perakuan tersebut yang memberi penekanan kepada penguasaan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira dan perkembangan bakat kanak-kanak sudah selesai dijalankan. Kementerian Pelajaran sedang dalam proses menyusun semula kurikulum Sekolah Rendah iaitu termasuk menyusun semula sukatan

pelajaran, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dan buku-buku teks. Perlu ditegaskan bahawa penyusunan semula ini akan memakan masa supaya sebarang perubahan kepada kurikulum di Sekolah-sekolah Rendah yang dilakukan kelak akan berjalan dengan teratur dan sempurna serta mencapai hasrat dan tujuan kita mengubah kurikulum ini. Satu pengumuman akan dibuat dalam sedikit masa lagi mengenai tarikh pelaksanaan kurikulum baru ini yang akan bermula bagi murid-murid dalam Darjah Satu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Timbalan Menteri berkenaan menyatakan bahawa memang mengambil masa yang agak panjang juga hendak menyusun semula kurikulum bagi sekolah-sekolah rendah. Soalan saya ialah untuk sementara waktu tidakkah boleh pihak Kementerian mengeluarkan satu arahan supaya semua matapelajaran-matapelajaran yang diajar di Darjah Satu umpamanya hendaklah mempunyai matlamat 3M, bukan kaedah sekarang selain daripada tujuan pandai membaca, juga mementingkan soal kandungan dalam matapelajaran-matapelajaran yang berkenaan.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membuat sebarang tindakan secara tergesa-gesa kerana kita takut apa yang berlaku itu lebih buruk daripada apa yang sedang dialami pada masa ini. Seperti yang saya nyatakan tadi, perubahan kepada kurikulum di peringkat sekolah rendah memerlukan masa kerana kita hendak menyediakan buku teks, kita hendak menentukan bentuk kurikulum itu sesuai untuk murid-murid yang cerdas dan juga murid-murid yang lemah mendapat kemahiran yang asas seperti membaca, menulis dan mengira. Jadi ini semua memakan masa. Walau bagaimanapun adalah hasrat Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan kurikulum baru ini secepat mungkin.

HARGA MINYAK DALAM ASEAN

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada wajar membandingkan harga minyak yang diberikan oleh Kementerian dengan harga minyak di negara ASEAN yang bukan pengeluar minyak tetapi

sebaliknya tidak membuat perbandingan dengan Indonesia sebuah negara pengeluar minyak dalam ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 11hb November, 1980 di mana yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun memberi jawapannya. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 6.

PROJEK JUALAN TENAGA LETRIK KE THAILAND

6. Tuan Awang bin Jabar (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi membiayai projek perjualan tenaga letrik ke selatan Thai, jumlah hasil yang akan diterima dari penjualan itu dan cara-cara pembayaran yang akan dibuat.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum projek sambungantara sistem LLN dengan pihak Berkuasa Penjanaan Elektrik Negeri Thai (EGAT) sedang dilaksanakan. Projek yang menelan belanja sebanyak lebih kurang \$2.752 juta ini dilaksanakan bukan hanya semata-mata untuk menjual kuasa elektrik ke negara Thai tetapi yang lebih penting ianya juga merupakan satu projek kerjasama di antara kedua-dua negara di dalam konteks kerjasama ASEAN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan utama projek sambungantara ini adalah seperti berikut:

- (a) pertukaran bersama kuasa elektrik di antara Malaysia dengan Thailand Selatan;

- (b) mengadakan satu margin simpanan (reserve margin) bagi membantu satu sama lain di dalam keadaan kecemasan andainya berlaku kerosakan teruk dan sebagainya;
- (c) membolehkan operasi pembekalan kuasa elektrik memandangkan ada perbezaan masa permintaan yang tinggi (peak demands) di antara kedua-dua negara;
- (d) mengadakan perbekalan kuasa elektrik yang lebih dengan bergantung kepada dua sumber yang berasingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam sistem LLN, paras permintaan yang paling tinggi lazimnya berlaku di waktu pagi dan tengahari. Pada peringkat permulaan, iaitu dalam tahun 1981, adalah dijangkakan EGAT akan mengimport di antara 30 MW hingga 50MW daripada sistem LLN pada masa permintaan dalam negeri berada pada paras yang rendah sekali, iaitu di antara jam 6.00 petang hingga 10.00 malam. Ini ialah bagi menokok tambah kepada sistem EGAT di dalam pembekalan ke kawasan Thailand Selatan.

Bagi memenuhi keperluan LLN di dalam keadaan kecemasan, EGAT telah bersetuju untuk mengeksport hingga 15 MW ke Bukit Keteri dan Alor Star. Eksport ini akan dipertingkatkan lagi kemudian kelak sebaik sahaja projek-projek haidro di Selatan Thailand siap, iaitu sebuah di Pattani dengan muatan 60 MW dan sebuah lagi yang lebih besar muatannya di utara Thailand Selatan.

Hasil yang dijangka diterima oleh LLN pada peringkat permulaan ialah lebih kurang \$2.925 juta setahun dan akan meningkat kemudian kelak kepada \$4.85 juta setahun. Mengenai cara pembayaran pula, suka saya memberitahu bahawa LLN akan menghantar bil EGAT setiap bulan dan EGAT akan membuat bayaran di dalam Ringgit Malaysia terus kepada LLN.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, praktis dari LLN tiap-tiap pengguna kena bayar dua bulan wang deposit, adakah projek ini juga dikenakan kepada negeri Thailand ataupun adakah kita minta deposit.

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soal detail belum lagi dapat diselesaikan dengan pihak penguasa EGAT.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu lebih lanjut sedikit daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah rancangan kerjasama ini di antara bahagian Selatan Thai dengan negeri Kedah sahaja ataupun meliputi di antara Selatan Thai dengan Perlis, Kedah, Perak dan juga Kelantan.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem yang ada di negara kita pada hari ini di sebelah pantai barat ada satu rangkaian yang dinamakan National Grid. Apa sahaja bekalan sama ada daripada negara Thai ataupun bekalan dalam negeri sendiri akan meliputi seluruh kawasan-kawasan yang ada rangkaian ini maka dengan sendirinyalah apa sahaja bekalan daripada EGAT akan termasuk ke dalam kawasan yang diliputi oleh rangkaian ini.

PELABUHAN KELANG— KERUGIAN KEBAKARAN

7. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kerugian yang sebenar, akibat letupan baru-baru ini di Pelabuhan Kelang yang dihadapi oleh Kerajaan, Syarikat-syarikat swasta dan perseorangan;
- (b) sumber-sumber yang mengakibatkan letupan tersebut; dan
- (c) jumlah kematian dan kes-kes kecederaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembaga Pelabuhan Kelang mengalami kerugian dianggarkan sebanyak \$10 juta ringgit akibat kebakaran dan letupan di Pelabuhan Selatan pada 5-6-1980. Kementerian ini tidak dapat menilai kerugian yang dialami oleh Syarikat-syarikat Swasta dan orang perseorangan.

- (b) Laporan polis tentang kebakaran dan letupan telah diterima oleh Kementerian dan kandungannya sedang ditimbang-kan oleh Kerajaan.
- (c) Kejadian tersebut menyebabkan 3 kematian dan mencederakan 98 orang. Dari 98 kes-kes kecederaan, 21 orang dimasukkan ke hospital untuk rawatan manakala 77 kes diberi rawatan pesakit luar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa salah satu sumber yang mengakibatkan letupan di Pelabuhan Kelang ialah kerana penyimpanan tong oxy-acetylene yang dilaporkan dalam suratkhbar baharu-baharu ini, dan jika beliau sedar, suka saya bertanya macam mana ini telah berlaku.

Kedua, ialah memandangkan bahawa kebakaran ini ialah satu perkara yang serius dan boleh membawa implikasi yang luas dan boleh memberi pelajaran untuk pelabuhan khususnya pihak yang berkuasa. Saya suka bertanya sama ada pihak Kementerian akan membuat satu keputusan bahawa apabila laporan itu telah disiapkan, laporan ini akan diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan bahagian pertama itu sudah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu laporan polis sudah diterima dan sedang dikaji tetapi kalau Yang Berhormat hendak melanjutkan lagi tentang adakah termasuk laporan itu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sila.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang menimbang tentang apa hendak dibuat dengan laporan itu sama ada mengumumkan kepada Dewan ini atau diterbitkan sekarang ini sedang ditimbang-kan.

Dato' Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pelabuhan Kelang telah kerugian \$10 juta. Soalan saya adakah Pelabuhan Kelang dilindungi oleh syarikat insurance dan sekiranya ada, berapa yang telah dibayar sehingga setakat ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi tahu Dewan ini bahawa Pelabuhan Kelang telah mengalami kerugian sebanyak \$10 juta. Laporan polis sahaja kita dapat menerangkan bagaimana kebakaran itu berlaku tetapi bolehkah wang Kerajaan yang hilang \$10 juta ini boleh dilantik satu badan bebas untuk menyiasat (terms of reference), bagi kuasa untuk menyiasat, dan siasatan itu boleh digunakan pada masa akan datang; pihak Jabatan Bomba juga boleh pakai. Kerajaan juga dapat contoh untuk menahan kebakaran selalu berlaku dalam negara kita. Bolehkah kita melantik satu badan bebas untuk memberi laporan kepada Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan ini mendahului keputusan yang akan dibuat oleh Kerajaan di atas laporan Polis itu. Jadi ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tambah?

Dr Goh Cheng Teik: Tidak.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jenis atau bentuk kerugian yang telahpun dialami oleh Kerajaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, butir-butir tentang kos yang dialami oleh Pelabuhan Kelang adalah disenarai di sini tetapi saya beri beberapa contoh. Misalnya civil engineering repairs bagi flat, gudang, tangki air, rumah pump, quarters dan lain-lain bangunan; mechanical engineering repair bagi kereta bomba, kereta ambulans, memperbaiki kerja-kerja elektrik dan sebagainya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada antara sebab-sebab letupan itu berlaku berpunca daripada kurang pengawasan pihak keselamatan pelabuhan terhadap gudang-gudang dan pemeriksaan itu tidak dijalankan dengan teliti.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tentulah memberi pertimbangan berat atas pendapat Ahli Yang Berhormat itu dan saya mintalah beliau tunggulah laporan ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan bahawa sukar bagi beliau untuk mentaksirkan kerugian oleh pihak syarikat-syarikat swasta atau orang perseorangan, soalan saya apakah setakat hari ini pihak Lembaga Pelabuhan Kelang telah menerima sebarang tuntutan daripada syarikat-syarikat swasta atau orang perseorangan mengenai kerugian-kerugian yang pihak-pihak berkenaan tempuhi sewaktu peristiwa tersebut berlaku di Port Klang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, apa-apa tuntutan yang di diterima oleh Lembaga Pelabuhan Kelang adalah ditimbangkan.

RTM—PENAYANGAN FILEM-FILEM LAMA

8. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar filem-filem yang ditayangkan oleh Jabatan Penerangan kepada rakyat terdapat ada filem yang ditayang di dalam tahun 1960an masih ditayang lagi pada masa ini; jika sedar adakah beliau bercadang supaya semua filem-filem seperti itu diganti dengan filem-filem baru.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar tuduhan-tuduhan yang mengatakan Jabatan Penerangan pada masa ini masih menayangkan semua filem-filem yang ditayangkan itu keluaran tahun 1960 ini ialah kerana filem yang tersebut bercorak pendidikan atau penerangan yang perlu diteruskan tayangannya dari satu masa ke satu masa bagi mengingatkan rakyat mengenai dengan perkara-perkara atau isu-isu yang berlaku pada masa sekarang ini. Sayugia diingat filem-filem yang bercorak pelajaran walaupun telah dikeluarkan berpuluh-puluh tahun yang lalu masih berguna kerana ianya berbentuk pendidikan, pengajaran, kesihatan, pembangunan negara, keselamatan dan lain-lain lagi yang perlu ditayangkan dari satu masa ke satu masa. Hanya filem-filem yang berbentuk berita (news) akan menjadi lapok selepas beberapa bulan ataupun beberapa tahun kerana filem itu diambil mengenai dengan peristiwa-peristiwa yang berkenaan dan oleh yang demikian telah

menjadi “out of date”. Filem-filem yang seumpama ini tidak ditunjukkan oleh Unit Bergerak Jabatan Penerangan.

Selain daripada filem-filem Dokumentari yang dikeluarkan dalam tahun 1960 dan juga filem-filem yang berunsur cerita (feature) yang dikeluarkan dalam tahun 1960 yang masih boleh digunakan lagi untuk membuat satu-satu kempen, khas mengenai dengan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan negara.

Kementerian saya memang mempunyai rancangan supaya filem-filem lama yang digunakan oleh Unit-unit Bergerak Jabatan Penerangan ditukarkan dengan filem-filem yang baru dari satu masa ke satu masa.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa beliau tidak mengakui bahawa filem-filem di Jabatan Penerangan ini filem-filem yang lama. Cuma saya ingin tahu setakat ini berapa buah filem baru yang dibuat oleh Jabatan Penerangan yang ditayangkan kepada orang ramai sebagaimana filem “Dayang Suhana” misalnya dan bilakah filem “Dayang Suhana” ini hendak ditayangkan kepada rakyat di kampung yang tidak dapat hendak beri derma di Kuala Lumpur ini.

Dato Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau hendak dikatakan filem ini merupakan satu detail dan berkehendakkan notis tetap macam filem “Dayang Suhana” memang ditayangkan, television telah menayangkannya satu masa dahulu dan yang demikian sudah berjuta-juta rakyat melihatnya. Walau bagaimanapun, melalui Unit-unit Bergerak yang moden yang kita langkapkan dengan television baru-baru ini maka harus filem itu akan ditayangkan juga kepada rakyat pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Bila ditayangkan, tayangkan ke Pasir Puteh dahulu (*Ketawa*).

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menafikan adanya tayangan filem-filem keluaran tahun 1960an bahkan kalau filem-filem Melayu keluaran tahun 50an pun

kebanyakannya begitu, begitu juga filem-filem Indonesia. Soalan saya adakah dasar Kementerian menayangkan filem-filem ini berpandu kepada kegemaran orang ramai atau pengguna atau mengikut program RTM sahaja tanpa menghiraukan kehendak pengguna atau bergantung kepada mahal atau murahnya sewa filem itu.

Dato Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya filem-filem yang lama ini kadang-kadang kita tayangkan atas permohonan orang ramai juga. Orang ramai yang gemarkan filem-filem yang lama kita tayangkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini penduduk-penduduk di luar bandar, terutama mereka yang sudah berumur di atas daripada 40 tahun sangat gemar menonton filem-filem terutama sekali filem-filem yang dibintangi oleh P. Ramlee, S. Romai Noor dan sebagainya, tetapi mereka yang berumur di bawah daripada 30 tahun lebih suka menonton filem-filem yang bercorak "Dayang Suhana" dan sebagainya. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kementerian ini bercadang untuk membuat filem-filem yang bercorak "Dayang Suhana" dengan lebih banyak lagi di masa-masa yang akan datang.

Dato Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, memang kita bercadang hendak membuatnya. Ini bergantung kepada kewangan.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kajian dibuat oleh Kementerian ini yang boleh menjadi bukti adanya filem-filem lama yang dikeluarkan pada tahun 60an masih mempunyai mutu yang baik dan sesuai ditayangkan kepada rakyat dan ramai pula rakyat yang masih meminati filem-filem tersebut.

Dato Haji Embong bin Yahya: Memang ada, Tuan Yang di-Pertua, terutama filem-filem yang dibintangi oleh P. Ramlee (*Ketawa*).

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan tentang adanya Pentas Bergerak yang moden untuk membuat tayangan-tayangan filem dan sebagainya. Bolehkah beliau menerangkan apakah peningkatan kemodenan Pentas Bergerak yang moden dengan persembahan atau filem-filem yang moden.

Tuan Yang di-Pertua: Pentas bergerak ini luar daripada soal asal, ini kesah filem. Tetapi bahagian kedua itu boleh dijawab, iaitu mengenai filem tetapi Pentas Bergerak itu lain.

Dato Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu barangkali tidak berapa faham sedikit (*Ketawa*), yang mana Pentas Bergerak dan yang mana Unit Bergerak, jadi yang ditunjukkan itu Unit Bergeraklah. Memang sekarang ini Jabatan Penerangan untuk memodenkan penyiarannya di kampung-kampung menggunakan unit yang moden yang kita panggil "Pendidikan Masyarakat" atau dipanggilkan "PENDIMAS". Unit ini baru kita ada 2 buah sekarang dan kita bercadang akan dilengkapkan setiap negeri sebuah, iaitu di sana kita lengkapkan 2 buah television dan juga video tape recorder, jadi masa kita pergi ke kampung apa yang disiarkan di Angkasapuri boleh dapat unit itu dan rakyat boleh tengok daripada sebelah-menyebelah unit itu apa yang berlaku di Kuala Lumpur, dan kalau sekiranya ada peristiwa yang baik kita boleh tapekan dan boleh pasang balik, tidak memakan masa yang lama. Misalnya apa yang berlaku pada hari ini besok pun kita boleh tunjukkan tetapi di sini tak ada Pentas Bergerak yang ini Unit Bergerak (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat sudah jawab. Ini memanjangkan lagi. Soalan tambahan banyak lagi nanti.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan sama ada beliau sedar adanya terdapat perbezaan bagi masa-masa yang digunakan untuk penayangan filem-filem feature di antara jenis filem-filem Inggeris dengan filem Melayu ataupun Hindustan.

Yang keduanya, sama ada beliau sedar umpamanya dalam filem-filem feature ini banyak terdapat potongan-potongan dibuat sehingga kadang-kadang ada cerita itu kepala dengan ekor sahaja, tengah-tengahnya tidak ada. Dengan sebab itu, saya ingin tahu kalau dia sedar apakah beliau akan memperuntukkan masa yang penuh supaya suatu tayangan filem itu dikeluarkan dengan sepenuhnya tanpa potongan-potongan sehingga tidak dapat mengikuti jalan yang sebenar?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, potongan-potongan itu berlaku kadang-kadang oleh sebab cerita itu terlampau panjang dan masa TV singkat, jadi terpaksa dipotong sedikit dan kadang-kadang potongan itu diselangkan dengan iklan-iklan yang kita siarkan. Jadi memang kita tidak berniat hendak mengurangkan mutu cerita itu.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mengaku mengatakan ada gambar-gambar yang lama yang tidak diminati masih kekal lagi di Jabatan Penerangan, di Pejabat-pejabat Penerangan Daerah yang ditunjuk oleh Unit-unit Bergerak.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar terlalu sedikit sangat gambar-gambar ini diberi kepada Pejabat Penerangan Daerah untuk Unit-unit Bergerak dan gambar-gambar ini kalau ditunjuk di satu tempat pada bulan itu, katalah pada bulan yang akan datang pun gambar itu juga ditunjuk. Kadang-kadang tiga empat bulan pun gambar itu juga. Jadi, saya ingin bertanya bagaimanakah caranya pihak Kerajaan memberi gambar-gambar ini dipertunjukkan kepada Pejabat Penerangan Daerah untuk Unit Bergerak ini supaya ia tidak diulang tunjuk satu gambar.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah sebenarnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, satu-satu gambar itu berulang tiga empat kali di satu-satu tempat, barangkali itu kebetulan sahaja agaknya oleh sebab Pegawai Penerangan itu barangkali tersalah susun filem itu atau order daripada Kuala Lumpur, jadi ditunjukkan semula di tempat itu. Yang sebenarnya memang kita utukkan banyak filem yang sudah sedia dibuat dan memang

tidak berlaku sesuatu tempat ditunjuk filem itu lagi. Kalau ada sekali-sekali, itu barangkali merupakan satu perkara yang tidak sengaja.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin ada permintaan ramai daripada penduduk Matang.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu ada kesulitan bagi pihak Kementerian Penerangan untuk mendapatkan wang yang cukup daripada pihak Khazanah untuk membuat filem-filem yang bermutu. Pihak Khazanah mempunyai tekanan yang lain daripada pihak Kementerian yang berkenaan iaitu Khazanah lebih mementingkan soal kuantiti daripada kualiti dan pihak Kementerian pula berhajat hendak membuat filem-filem yang bermutu. Jadi, untuk membuat filem yang bermutu tentu memakan belanja yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ini panjang mukadimahnyanya. Apa soalan tambahannya?

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan saya sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahannya ialah apakah ada usaha-usaha daripada Kementerian Penerangan untuk mencari jalan tengah dengan pihak Khazanah supaya dalam membuat satu filem itu, mutu filem itu tidak terkorban sematamata kerana hendak menjimatkan wang?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah sama ada dalam usaha untuk membanyakkan filem-filem ditayangkan untuk rakyat ini pihak Kementerian bercadang hendak mendubbingkan filem-filem daripada Thailand dan Filipina sebagai tambahan kepada filem-filem Indonesia atau filem-filem lain yang ditayangkan pada masa ini?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya tidaklah benar bahawa Kementerian menghadapi tekanan daripada pihak Treasury berkenaan dengan belanja hendak membuat filem kerana Kementerian bukannya membuat persendirian filem-filem ini kecuali satu-satu sahaja, macam Dayang Suhana. Yang sebenarnya filem yang kita tunjukkan itu kebanyakannya kita sewa daripada luar negeri atau kita beli, bukan semuanya kita buat. Kalau sekiranya ada

perkara yang kita buat, Treasury boleh memberi wang, yang menghalang bukan sahaja wang, tetapi ialah kakitangan, kepakaran dan juga lain-lain lagi.

Tentang masalah yang kedua, kita memang sentiasa mengkaji filem-filem dari luar negeri, mana yang menasabah kita cuba tunjukkan. Sekiranya filem itu tidak baik, tidak guna kita tunjukkan di sini.

BEKALAN ELEKTRIK DI KAWASAN LUAR BANDAR

9. Puan Shariffah Derah binti Mohamed minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak kawasan-kawasan di luar bandar seperti Kawasan Semerah Darat dan Sungai Balang Besar masih belum mempunyai kemudahan asas seperti letrik dan jika ya, bilakah tindakan akan diambil untuk membekalkan kawasan-kawasan ini dengan letrik.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya pernah menegaskan di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membekalkan elektrik kepada kawasan-kawasan luar bandar tidak kira di mana letaknya kawasan-kawasan ini. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, untuk membekalkan elektrik kesemua kawasan-kawasan di luar bandar akan mengambil masa. Namun begitu, Kerajaan akan terus meningkatkan lagi prestasinya supaya lebih ramai lagi penduduk-penduduk luar bandar akan dapat menikmati kemudahan asas ini di dalam jangka masa yang sesingkat mungkin.

Mengenai kawasan-kawasan Semerah Darat dan Sungai Balang Besar, suka saya memberitahu bahawa kawasan-kawasan itu akan mendapat bekalan elektrik di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek bekalan elektrik bagi Kampung Semerah Darat yang dijangkakan akan menelan belanja sebanyak \$320,000 yang akan memberi manfaat kepada 220 keluarga telah dijadualkan untuk dilaksanakan pada tahun 1982 dan bagi kawasan Sungai Balang Besar pula, 2 projek bekalan elektrik akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Projek yang pertama

adalah untuk Kampung Sungai Balang Besar Darat dan projek ini yang dijangka akan menelan belanja sebanyak \$150,000 untuk memberi manfaat kepada 180 keluarga dijadualkan untuk dilaksanakan pada tahun 1981 iaitu tahun hadapan. Projek yang kedua adalah untuk Kampung Sungai Balang Besar Laut dan projek ini juga dijangka akan menelan belanja sebanyak \$150,000 untuk memberi manfaat kepada 120 keluarga. Pelaksanaannya juga dijadualkan pada tahun hadapan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, sesungguhnya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berkata Kerajaan akan mengambil masa untuk memberi bekalan elektrik ke kawasan luar bandar, saya ingin bertanya adakah jadual ataupun rancangan tertentu supaya semua rakyat dalam negara kita akan menikmati kemudahan asas itu.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu memang hasrat Kerajaan.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi nampaknya rakyat memang gembira dan seronok sebab beliau ada mengatakan adalah menjadi hasrat dan tugas Kerajaan meningkatkan lagi prestasinya, tetapi rakyat tidak mendapatinya (*Ketawa*). Saya hendak bertanya Timbalan Menteri ini bilakah yang sebenarnya rakyat betul-betul boleh mendapatinya kerana di kawasan saya dia semalam kabel pergi kepada FELDA jauhnya 10 batu, sepanjang-panjang jalan orang kacau. Bilakah agaknya orang-orang di sepanjang jalan itu boleh dapat?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi mustahil boleh dilaksanakan semua projek-projek yang dikehendaki oleh semua rakyat. Satu-satu rancangan dibuat mengikut keutamaan dan semua faktor-faktor diberi pertimbangan untuk menyediakan senarai keutamaan ini. Maka saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri pun telah mendapat projek-projek di kawasan Ahli Yang Berhormat, tetapi tidak ke semua keseluruhan kawasan-kawasan Yang Berhormat itu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa ketika dahulu perkara berkenaan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar biasa dibangkitkan dan dikaitkan dengan masalah kekurangan bekalan bahan utama seperti kabel dan juga tiang lampu. Saya ingin tahu sama ada masalah ini masih lagi dihadapi oleh pihak Kementerian. Jika masih lagi dihadapi apakah rancangan yang sedang disusun supaya masalah ini tidak akan mengendalakan kerja-kerja yang telah ditentukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa kali telah diberi penerangan di Dewan yang mulia ini di atas sebab-sebab yang melewati rancangan itu. Walau bagaimanapun, di antara perkara yang besar yang boleh memberi kelambatan kepada pelaksanaan ini ialah kesusahan untuk mendapatkan laluan dan mendapat tapak-tapak bagi mengadakan pencawang-pencawang kecil dan sebagainya. Soal kekurangan tiang dan sebagainya sudahpun diatasi dan soal-soal lainpun sedang dikaji dan diambil langkah yang tertentu untuk diatasi, tetapi perkara yang besar, dengan adanya cara baru yang menggunakan kabel yang bersalut maka kurangnya kerumitan akan berlaku untuk memotong pokok yang sentiasa menjadi halangan kepada projek ini.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah benar bagaimana yang difahamkan kepada saya bahawa pembekal bagi tiang-tiang telefon itu terlalu terhad kepada satu syarikat sahaja. Jadi kalau sekiranya benar, adakah pihak Kementerian akan meluaskan kepada pembekal-pembekal yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini luar daripada soalan yang asal. Adakah Timbalan Menteri hendak menjawab?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu luar daripada soalan asal. (*Ketawa*).

SEKANDAL BEKAS KERAJAAN NEGERI

10. Tuan Chan Teck Chan: minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil siasatan telah diperolehi terhadap kes yang beliau (Chan Teck Chan) laporkan kepada beliau (Perdana Menteri) pada 15.6.1979 bertajuk "Penyiasatan tentang skandal Bekas Kerajaan Negeri 1974-1978 dan skandal 4,002 ekar tanah" sila nyatakan bahawa apakah sebabnya hingga hari ini ketiadaan apa-apa tindakan diambil untuk menghadapi orang-orang yang didapati salah dari segi undang-undang ini ke mahkamah seperti kes Sri Linggar Sdn. Bhd. pada tahun 1975 di Melaka dan kes tersebut di mana maklumat-maklumat yang lengkap telah dikemukakan kepada beliau (Perdana Menteri) bekas Menteri Undang-undang serta BSN, adakah pihak Kerajaan perlu mempertimbangkan segala konsekuensi dan kepentingan politik BN barulah tindakan dapat diambil.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini BSN masih lagi meneruskan siasatan ke atas Sri Linggar Sdn. Bhd. itu dan masih lagi belum puas hati dengan keterangan-keterangan yang telah diperolehi setakat ini. Keterangan-keterangan lanjut perlu diambil dari saksi-saksi yang berkaitan.

Sama ada BSN dapat mengemukakan kes ini ke mahkamah atau tidak adalah bergantung kepada keterangan-keterangan lanjut yang mungkin diperolehi kelak.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat itu berterus terang apa sebab kes Sri Linggar hampir 5 tahun masih belum diputuskan. Adakah kerana ikan Yu itu terlalu berat maka Kerajaan tidak mampu untuk menjerat ikan Yu atau kerana masih menunggu isyarat politik daripada atasan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan banyak sangkaan-sangkaan—tak dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat.

PELABUHAN AIR DALAM TANJUNG MANI

11. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pelabuhan air dalam di Tanjung Mani akan

dimasukkan ke Rancangan Malaysia Keempat; jika benar, bilakah projek tersebut akan dimulakan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelabuan pelabuan di negeri Sarawak kecuali Bintulu adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak secara langsung. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan tidak dapat memberikan butir-butir yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Sarikei itu.

GERAI MARA DI PADANG SERAI

12. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak bidang tanah kosong Kerajaan di dalam kawasan bandar Padang Serai dan bahawa MARA pernah mencadangkan dahulu untuk membina gerai/bangunan bagi peniaga-peniaga kecil menjalankan perniagaan mereka di pekan tersebut, dan sama ada beliau bercadang untuk menjayakan projek tersebut sebagai satu usaha menggalakkan penyertaan Bumiputra di bidang perniagaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Perusahaan Awam memanglah menyedari adanya beberapa bidang tanah kosong Kerajaan di Pekan Padang Serai itu dan MARA pada satu ketika dahulu pernah bercadang untuk membina gerai/bangunan perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil di situ.

Tetapi oleh kerana gerai perniagaan yang dibina oleh MARA adalah semata-mata untuk sewaan, sedangkan peniaga-peniaga tempatan mahukan supaya gerai-gerai itu dijual terus kepada mereka, maka pihak MARA dengan itu menggesa pihak lain meneruskan projek di Padang Serai itu.

Bagaimanapun, sehingga ini tidak ada projek pembinaan gerai perniagaan yang telah dijalankan di Pekan Padang Serai oleh mana-mana pihak.

Pihak MARA telahpun memindahkan peruntukan bagi projek pembinaan gerai di Padang Serai itu ke Kilang Lama, Kulim. Projek di Kulim ini dijangka siap pada akhir tahun (Disember 1980) ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya tugas dan matlamat MARA ialah untuk melahirkan lebih ramai lagi golongan usahawan atau pekedai bumiputra. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan apakah pihak MARA tidak boleh menyelesaikan satu masalah di antara menyewakan bangunan dengan membina bangunan dan menjualkan kepada bumiputra.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun menetapkan dasar iaitu MARA membina gerai-gerai dan menyewakan sahaja kerana kita ada beberapa buah agensi yang lain seperti UDA di mana pembinaan dibuat dan boleh dijual.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab konsep MARA untuk membina gerai-gerai tersebut tidak dapat diterima oleh orang tempatan, soalan saya apakah pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk mengarahkan pihak UDA supaya membangun tanah-tanah tersebut sama ada dalam bentuk gerai ataupun dalam bentuk kedai untuk diberikan kepada bumiputra tempatan.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu adalah masalah yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri dan sekiranya mana-mana Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan kompleks atau gerai-gerai tertentu yang boleh dibina oleh UDA, maka pihak Kerajaan Negeri boleh berunding dengan Kementerian supaya Kementerian dapat mengambil tindakan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa ada peniaga bumiputra yang telahpun membayar sewa ruang kedai mereka itu selama bertahun-tahun lamanya lebih daripada 5 tahun, sehingga jumlah sewa yang telahpun dibayar telah berlipatganda daripada harga asal pembinaan gerai tersebut. Jika beliau sedar, adakah pihak MARA akan mengkaji semula dasar itu supaya peniaga

yang telahpun membayar sewa, katalah, 5-6 tahun maka gerai itu akan dijual kepada mereka dengan harga yang nominal.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyatakan bahawa ini adalah menjadi dasar MARA bahawa kedai-kedai itu tidak akan dijual tetapi di-sewakan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 13.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Parit.

JURURAWAT—PENYELARASAN MEMAKAI SELUAR PANJANG

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pelaksanaan pemakaian seluar panjang kepada jururawat-jururawat dapat diselaraskan di semua hospital-hospital di negara kita.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bagi kategori Ketua Jururawat dan Jururawat Terlatih Kementerian ini telahpun memberi pilihan untuk ketegori tersebut memakai seluar panjang (pant suit) atau gaun mulai 24hb November, 1978 dan bagi kategori Penyelia Jururawat, Pengajar Jururawat, Penolong Jururawat, Jururawat Desa, Bidan dan Pembantu Pembelahan Gigi pelaksanaan tersebut telahpun berkuatkuasa pada 22hb November, 1979. Oleh itu semua Jururawat di hospital-hospital di negara ini boleh memakai seluar panjang jika mereka berminat.

Tuan Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang hendak mewajibkan Jururawat-jururawat Islam memakai seluar panjang dan memberi pilihan kepada jururawat bukan Islam untuk memakai sama ada seluar panjang ataupun uniform biasa.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah sukar kita hendak mewajibkan orang-orang Islam itu memakai seluar panjang oleh kerana ada sebab-sebab umpamanya kadangkala oleh kerana umur dan oleh kerana fiziknya terlampau gemuk mungkin perkara ini tidak sesuai dan begitu juga ada kala dan ketikanya, ada hari dan bulannya mereka tidak sesuai memakai seluar panjang.

KAPALTERBANG EGYPTAIR— GANTIRUGI KEMALANGAN

14. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah usaha-usaha telah dijalankan oleh Kementerian beliau untuk membantu keluarga mangsa kemalangan kapalterbang Egyptair di Bangkok pada tahun 1976 yang lalu dari rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka mendapat gantirugi. Sedangkan keluarga mangsa kemalangan tersebut yang terdiri daripada rakyat lain-lain negara seperti Thailand, telah lama mendapat gantirugi menerusi pertolongan kerajaan negara masing-masing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya menegaskan bahawa Kementerian saya sudahpun memberikan bantuan seperlunya dalam hal tuntutan gantirugi oleh keluarga mangsa kemalangan kapalterbang Egyptair yang berlaku di Bangkok dalam tahun 1976. Setahu Kementerian saya mereka yang telah mengikuti nasihat Kementerian mengenai perkara ini sudahpun menerima tuntutan gantirugi mereka.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak mengetahui ada di antara mereka yang masih belum mendapat gantirugi mereka. Jika perlu mereka bolehlah berhubung dengan Kementerian saya untuk bantuan seterusnya.

Perlu saya menerangkan bahawa bantuan Kementerian hanyalah setakat memberi nasihat supaya mereka membuat tuntutan

melalui peguam mereka. Ini adalah kerana tuntutan tersebut merupakan perkara persendirian (private matter) di antara waris-waris simati Egyptair dan oleh itu pihak siwaris dikehendaki membuat tuntutan secara sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus memberi kerjasama untuk menyalurkan perkara ini jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 adalah diberi di bawah ini).

KUPON PADI MEMBANTU PETANI-PETANI

1. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan dengan pelaksanaan kaedah kupon padi bagi membantu petani-petani di dalam negeri ini, dengan angka-angka pecahan berkenaan dengan jumlah sebenar wang bantuan atau subsidi yang diterima oleh petani-petani tersebut di tiap-tiap negeri dan angka-angka pecahan bagi jumlah sebenar perbelanjaan yang kena dikeluarkan di tiap-tiap negeri bagi melaksanakan rancangan seumpama itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Jumlah perbelanjaan sebenar bagi pembayaran subsidi dan belanja mengurus yang kena mengikut negeri setakat 30hb November, 1980 adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Belanja Mengurus Sebenar (\$)	Jumlah nilai Pengeluaran Kupon Subsidi (\$)
Perlis	123,152.06	49,991,251.66
Kedah	665,135.30	—
P. Pinang	260,465.82	4,802,136.70
Perak	319,271.60	5,262,465.16
Selangor	236,314.59	3,244,971.87
Melaka	11,187.61	8,942.66
N. Sembilan	3,155.07	—
Johor	12,767.05	120,674.34
Kelantan	147,563.97	2,558,247.70
Trengganu	5,026.01	—
Kuala Lumpur	175,370.89	—
JUMLAH ...	1,360,787.97	65,988,690.09

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG GALAKAN PELABURAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang suatu Akta Kewangan bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Ordinan Setem 1949 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berbangkit dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk membuat pindaan kepada undang-undang tersebut bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam Belanjawan 1981 yang dikemukakan dalam Ucapan Belanjawan di Dewan Rakyat pada 17hb Oktober, 1980 dan juga untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah untuk mengemaskan lagi Akta-akta itu.

Fasal-fasal 4 hingga 18 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 yang selepas ini disebut sebagai Akta Ibu.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta Ibu supaya sesuatu syarikat yang menerima dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat-syarikat pemastautin tidak dikenakan cukai keuntungan yang berlebihan ke atas dividen-dividen itu. Tujuannya ialah

untuk mengelakkan pengenaan cukai keuntungan berlebihan banyak kali ke atas dividen-dividen yang diperolehi dari Malaysia.

Fasal 5 merupakan pindaan ke atas Akta Ibu dengan memasukkan selepas seksyen 6A satu seksyen baharu iaitu 6B, yang bertujuan memperkenalkan suatu rebet yang baharu terhadap cukai pendapatan yang dikenakan. Adalah menjadi tujuan Kerajaan memberi rebet ini kepada bank-bank perniagaan yang memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil. Oleh kerana rebet itu akan dihitung berdasarkan peratusan faedah yang dilupuskan, maka pendapatan kasar bank-bank yang memberi pinjaman itu perlu ditingkatkan dengan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hal ini dijelaskan di Fasal 9. Fasal tersebut memperuntukkan pindaan ke atas seksyen 22 Akta Ibu dengan tujuan memasukkan rebet yang dicadangkan di bawah seksyen 6B Akta itu dalam pendapatan kasar seseorang itu, iaitu bank yang memberi pinjaman, sementara Fasal 13 pula adalah pindaan kepada seksyen 108 (4) bertujuan mengambil kira rebet yang diberikan.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta Ibu bagi melonggarkan kiraan kelayakan sebagai pemastautin bila mempertimbangkan tempoh kelayakan selama 183 hari berturut-turut atau lebih, di mana tempoh peninggalan buat sementara waktu dari negara ini atas sebab-sebab tertentu boleh diterima sebagai sebahagian daripada tempoh ia tinggal di Malaysia yang layak dikira sekiranya tempoh tinggal seseorang itu kurang dari 183 hari dalam tahun kelendar.

Fasal 7 merupakan pindaan kepada Akta Ibu dengan memasukkan seksyen 13A yang menerangkan bahawa pendapatan yang diperolehi daripada pekerjaan di atas sebuah kapal yang didaftarkan di Malaysia sepanjang tempoh pekerja itu berkhidmat dalam lalu lintas antarabangsa. iaitu termasuk sebahagian dari hari cuti yang dihabiskan di Malaysia, tidak akan disifatkan sebagai diperolehi dari Malaysia dan seterusnya tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia. Sepertimana yang telah dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Ucapan Belanjawan pada 17hb Oktober, 1980, pelepasan cukai ini perlu diberikan kepada anak-anak kapal yang berkenaan bagi

menjamin kapal-kapal Malaysia mempunyai kakitangan yang secukupnya dan untuk menggalak anak-anak kapal itu terus bekerja dengan kapal-kapal tersebut.

Fasal 8 bertujuan seksyen 18 Akta Ibu dengan memasukkan kayu balak dalam takrif "tanaman" ("crops") untuk membolehkan perbelanjaan penanaman semula kayu balak dianggap sebagai perbelanjaan yang boleh dibenarkan dan kos penanaman kayu balak dianggap perbelanjaan ladang yang melayakkan.

Fasal-fasal 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16 dan 18 adalah untuk membetulkan kesilapan pencetakan dan juga untuk mengemaskan Akta Ibu.

Fasal 10 (a) merupakan pindaan ke atas seksyen 39 Akta Ibu dan bertujuan tidak membenarkan sebagai potongan, pembayaran royalti, di dalam keadaan di mana cukai belum dipotong daripada royalti itu dan dibayar mengikut seksyen 109 Akta tersebut. Ini akan meletakkan layanan atas royalti setaraf dengan layanan atas faedah.

Fasal 14 adalah merupakan pindaan kepada seksyen 109 Akta Ibu dan bertujuan menyenangkan tatacara bagi memutuskan harus akan tidak cukai dipegang atau dipotong dari punca pendapatan iaitu faedah atau royalti yang diperolehi dari Malaysia. Ini akan membantu memperketatkan tatacara yang ada sekarang. Serentak dengan itu "kelonggaran" adalah diberi di dalam keadaan di mana didapati sukar bagi cukai yang dipotong itu dibayar dalam had masa satu bulan.

Fasal 15 adalah pindaan ke atas seksyen 128 (1) untuk memastikan seorang pembayar cukai yang memiliki dan menduduki tempat kediaman tidak dibebankan bila ia terpaksa menyewakan tempat kediaman tersebut kerana berpindah oleh sebab-sebab pertukaran, mendapat pekerjaan baru, atau menukar pengurusan perniagaan di tempat lain. Sewa yang diterima dari tempat kediaman tersebut dikecualikan dari cukai sekiranya pemindahannya itu adalah ke tempat yang melebihi jarak 20 batu dari tempat kediaman tersebut.

Fasal 17 adalah pindaan kepada Jadual 3, Akta Ibu untuk membolehkan orang yang menjalankan pembinaan apa-apa kerja, jalan struktur dan bangunan memilih suatu elaun permulaan sebanyak 30% dan tidak sebanyak

20% sahaja seperti lazimnya atas perbelanjaan loji yang layak menerima elaun itu. Juga Jadual 3 Akta Ibu dipinda untuk menukarkan asas menghitung elaun modal berdasarkan kaedah garis lurus dan bukannya seperti sekarang iaitu di atas kaedah baki berkurangan.

Fasal-fasal 4, 5, 6, 7, 9, 10 (a), 13, 14, 15, 17 dan 18 (b) akan mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1980.

Fasal-fasal 8, 10 (b), 11, 12, 16 dan 18 (a) mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1980.

Fasal 20 merupakan pindaan kepada seksyen 16 Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967 bagi maksud meningkat had pengecualian cukai pembangunan dari \$3,000 kepada \$5,000 bagi orang perseorangan, tidak kira sama ada orang perseorangan itu mempunyai pendapatan dari perkongsian atau tidak. Fasal ini akan mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1981.

Fasal-fasal 22 hingga 28 adalah untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1967.

Fasal 22 bertujuan meminda seksyen 2 (1) untuk memasukkan tafsiran istilah "tuan punya bersama", "keupayaan bersama" dan "pemastautin tetap".

Fasal 23 merupakan pindaan ke atas seksyen 8 dan bertujuan untuk menghadkan pengecualian cukai dari keuntungan yang diperolehi oleh orang perseorangan dari penjualan satu tempat kediaman persendirian kepada seorang warganegara atau pemastautin tetap sahaja. Di bawah undang-undang yang ada sekarang ini, pengecualian boleh dituntut oleh mana-mana orang perseorangan tidak kira sama ada ia warganegara Malaysia, warganegara asing, atau pemastautin tetap.

Fasal 24 mengandungi suatu pindaan kepada seksyen 47 (5) Akta untuk memasukkan Ketua Pengarah Penilaian dan pegawai-pegawai di bawah arahan dan kawalannya dalam takrif "orang yang terkelas".

Fasal 25 merupakan pindaan ke atas Jadual 1 Akta dan bertujuan untuk memastikan bahawa jika tuan punya bersama suatu aset melupuskan syernya yang tidak dibahagikan dalam aset itu, hanya dia boleh dikenakan cukai atas keuntungan akibat dari pelupusan itu dan tidak rakannya.

Fasal 26 pula ialah pindaan ke atas Jadual 2 Akta dengan memasukkan takrif "ansuran" sebagai perenggan kecil (3) selepas perenggan 24 (2). Tujuannya ialah untuk mengelakkan apa-apa kesamaran.

Fasal 27 bermaksud meminda perenggan 2, Jadual 4 kepada Akta untuk menghadkan pengecualian sebanyak \$5,000 atau 10% dari keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut mana yang lebih besar, kepada orang perseorangan yang menjadi warga-negara atau pemastautin tetap sahaja.

Fasal 28 bertujuan meminda Jadual 5 kepada Akta untuk memperuntukan bahawa jika seorang perseorangan yang bukan warganegara dan bukan seorang pemastautin tetap, melupuskan aset yang diperolehinya selepas 17hb Oktober, 1980, dia akan dikenakan cukai pada kadar 40% atas apa-apa keuntungan yang boleh dikenakan cukai. Bagi keuntungan dari pelupusan harta yang diperolehi oleh orang-orang yang tersebut pada atau sebelum 17hb Oktober, 1980, kadar bersenget akan terus dipakai.

Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan, layanan yang sama antara rakyat asing dan rakyat Malaysia telah menyebabkan ramai orang-orang asing membeli rumah tanpa mendiami rumah tersebut di negara ini. Ini mungkin merupakan salah satu sebab yang menaikkan harga rumah meskipun sekatan ke atas pinjaman perumahan dalam negara dikenakan.

Fasal-fasal 30 dan 31 bertujuan meminda Ordinan Setem 1949.

Fasal 30 bertujuan memasukkan satu seksyen baharu 5A untuk memerlukan pinjaman kepada perniagaan kecil disahkan oleh pihak berkuasa yang dilulus oleh Menteri Kewangan sebelum konsesi duti setem diberi atas suratcara pinjaman itu.

Fasal 31 (b) bertujuan meminda Jadual Pertama kepada Ordinan itu untuk memberi butir-butir mengenai kadar duti setem yang akan dikenakan atas suratcara pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kecil. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kadar duti setem ke atas pinjaman kecil yang tidak melebihi jumlah \$250,000 setahun, akan dikenakan cukai sebanyak 0.1% sahaja berbanding dengan kadar 0.5% yang dikenakan atas surat-surat perjanjian pinjaman

biasa. Fasal 31 (c) pula membuat pindaan kepada Jadual Pertama tersebut untuk mengubah kadar-kadar duti setem yang dikenakan atas pajakan, dengan membezakan antara pajakan bagi tempoh masa yang berlainan dan sewaan yang berlainan. Perjanjian bagi sewa yang tidak melebihi \$2,400 setahun adalah dikecualikan dari duti setem.

Fasal 30 dan 31 akan mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya ialah satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976 dan Ordinan Setem, 1949, dan untuk memberi peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit.

3.50 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 1980 bagi meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Ordinan Stem 1949, dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

Terutama sekali, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan di atas beberapa cadangan yang telah dikemukakan dalam ucapan Belanjawan beliau pada 17hb Oktober, 1980 yang berkaitan dengan keempat-empat Akta yang berkenaan. Cadangan-cadangan yang telah dikemukakan jelas sekali tentang ikhtiar dalam usaha-usaha Kerajaan untuk menolong rakyat-rakyat jelata khususnya mereka daripada golongan berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, saya rasa adalah menjadi tugas saya sebagai

seorang wakil dari parti politik Barisan Nasional yang bertanggungjawab untuk melafazkan beberapa teguran demi kebaikan negara dan pentadbiran cukai di dalam negara kita.

Sebagai permulaan saya ingin menyentuh tentang seksyen yang baru iaitu seksyen 6B yang berkaitan dengan ribet cukai ke atas pinjaman untuk pengusaha-pengusaha kecil. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan di atas langkah ini yang sebagaimana kita sedia maklum, pengusaha-pengusaha kecil memberi satu sumbangan yang besar dan juga memainkan satu peranan yang besar terhadap ekonomi negara. Saya penuh yakin bahawa perkembangan ini akan memudahkan lagi pengusaha-pengusaha kecil di dalam negara kita memainkan satu peranan yang lebih positif lagi dalam ekonomi negara. Namun demikian, selepas meneliti Rang Undang-undang yang telah dibentangkan, terutama sekali yang berkaitan dengan seksyen 6B (2) yang mengatakan, "Loan to a small business" means "a loan that conforms to the guidelines laid down by an appropriate authority designated by the Minister from time to time".

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya, perkataan "guideline" yang dimaksudkan dalam petikan yang saya sebutkan tadi adalah tentang modal pusingan ataupun modal perniagaan. Saya telah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan mempunyai satu takrif pengusaha-pengusaha kecil yang, kalau tidak silap saya, pada masa ini adalah \$250,000. Ini bermakna pinjaman-pinjaman yang diluluskan kepada golongan pengusaha-pengusaha ini akan melayaki pihak yang meminjam iaitu bank-bank perdagangan untuk ribet yang dimaksudkan dalam seksyen baru 6B. Sementara mengucapkan tahniah ke atas layanan ini saya berharap Kerajaan akan mengawasi keadaan ini dan mengkaji dari masa ke semasa sama ada layanan ini akan membawa sejenis sekatan untuk pengusaha-pengusaha kecil ini berkembang dan terus maju. Ini adalah kerana jika perkembangan mereka mengikut satu kadar yang akan melebihi taraf \$250,000 ini, faedah yang dikenakan kepada pinjaman yang dibuat oleh mereka akan terus meningkat. Adakah layanan ini akan menjadi satu anti galakan

kepada mereka? Saya percaya dan berharap kuasa-kuasa yang berkenaan yang akan diberi kuasa oleh Menteri Kewangan untuk menentukan garis panduan ini akan meneliti dan menimbang setiap permohonan dengan mengambilkira faktor anti galakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang suka saya menyentuh ialah tentang seksyen 13 dengan memasukkan seksyen yang baru iaitu berkaitan dengan peruntukan-peruntukan tentang pendapatan yang didapati daripada pekerjaan di atas kapal yang didaftarkan di Malaysia dan yang diusahakan oleh seorang warganegara Malaysia. Ini adalah satu langkah yang baik bagi menggalakkan anak-anak kapal berkhidmat di atas kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia. Akan tetapi, bahagian 3 seksyen yang tersebut menghadkan layanan ini hanya kepada anak-anak kapal yang menjalankan tugas mereka di perairan antarabangsa sahaja dan tidak kepada mereka yang menjalankan tugas mereka di antara pelabuhan-pelabuhan Malaysia dalam perairan Malaysia.

Pada hemat saya, saya percaya Kerajaan patut juga menyumbangkan layanan yang diberikan kepada anak-anak kapal yang bertugas di dalam perairan antarabangsa, kepada mereka yang bertugas di dalam perairan Malaysia. Dengan berbuat demikian kita akan dapat menggalakkan lebih lagi rakyat-rakyat berkhidmat di dalam sektor perairan Malaysia dan seterusnya menggalakkan perkembangan perkapalan sebagai satu media pengangkutan yang penting.

Saya tidak bercadang untuk berucap lebih panjang lebar kerana ada banyak lagi rakan-rakan yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

3.57 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 1980. Daripada pindaan-pindaan yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini jelas hasrat Kerajaan hendak mengawal dan hendak menguasai supaya negara kita tidak mengalami inflasi yang teruk ke atas rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan iaitu bercakap 10 minit tidak dipakai di atas Rang Undang-undang ini. Itu hanya untuk ucapan Belanjawan dan mungkin bila nanti, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, itu dihadkan. Sekarang tidak ada had.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan adanya Rang Undang-undang Kewangan 1980, saya berharap keadaan inflasi negara kita akan lebih terkawal dan rakyat yang berpendapatan sederhana sungguh-sungguh akan dapat menikmati segala kekayaan yang ada di dalam negara kita ini.

Saya sangat tertarik hati dengan satu perubahan mengenai sistem penyewaan rumah yang dikenakan kepada tuan punya rumah tetapi tidak tinggal di rumahnya. Dalam perkara ini sukacita saya menarik perhatian Kementerian Kewangan masalah pegawai-pegawai Kerajaan kita yang bertugas dengan Kementerian Luar Negeri yang sentiasa mengorbankan masa mereka di luar negeri.

Dalam perkara ini kita dapati kebanyakan daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas di luar negeri ini jarang mendapat peluang mempunyai rumahtangga sebab peluang-peluang itu selalunya dinikmati oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang ada di dalam negeri sahaja.

Dalam perkara ini kalau pun mereka itu mempunyai rumah sendiri dan kalau disewa saya mintalah Menteri Kewangan memikirkan supaya jangan dibebankan sangat kepada mereka kerana saya perhatikan masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai Kerajaan kita ini terutama sekali kepada mereka yang jarang bertugas di dalam negeri selalunya rumit dan kebanyakan mereka menghadapi berbagai-bagai masalah perbelanjaan yang besar di luar negeri, itu mengikut keadaan-keadaan terutama sekali bagi mereka membiayai pelajaran anak-anak mereka yang sama-sama berada di luar negeri. Jadi jikalau ada hasil rumah sewanya itu yang ada dalam negeri ini telah dapat dilepaskan daripada cukai saya percaya kewangan itu dapat membantu pelajaran anak-anak mereka di luar negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 1980 sukacitalah pula saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan mengkaji sistem Kerajaan kita sendiri membeli barang-barang daripada pihak swasta, cara pakai tender dan sebagainya. Kita kadang-kadang itu susah juga hendak memikirkan. Pada suatu ketika pihak Kerajaan kita meminta pihak-pihak swasta mengeluarkan barang-barang yang bermutu untuk kegunaan orang ramai dan juga untuk kegunaan badan-badan Kerajaan. Tetapi oleh sebab tendering system yang diwujudkan oleh pihak Kementerian Kewangan walaupun ada clause menyatakan tidak semestinya tender ini akan memperolehi kepada harga yang terlampau murah ataupun terlampau tinggi, tetapi psikologi pegawai-pegawai Kerajaan apabila membuat pembelian memikirkan selalu harga yang murah dan harga yang rendah. Dalam perkara inilah saya perhatikan government purchase ataupun pembelian daripada pihak Kerajaan selalu "alah memakai, menang membeli".

Selalunya government purchase tidak lama tahan, sebab harganya hendakkan murah, jadi semestinya barang-barang yang dibeli oleh pihak Kerajaan itu kurang mutunya. Maka sebab itulah kita dapati sekarang ini dalam rancangan besar-besaran pihak Kerajaan membeli alatan untuk kegunaan orang ramai selalunya mendapat kerosakan sebab tidak cukup jangka mutu yang kita tentukan. Sebagai contoh kita lihat kadang-kadang itu transformer bagi membekal bekalan elektrik. Sekarang ini kita dapati di mana-mana pekan-pekan kadang-kadang itu ada kita dapat black-out, transformer itu rosak, ini rosak pada hal mengikut perjanjian transformer itu tidak boleh rosak dalam tempoh 10 tahun. Tetapi selepas 3-4 tahun rosak, kerana apa? Apabila disiasat didapati oleh sebab pihak Kerajaan kita membeli alat-alatan ini kerana hendakkan murah, jadi menyusahkan orang ramai. Dan begitu juga sistem pembelian Kerajaan membeli lift untuk rumah-rumah pangsa yang bertingkat. Pada hal ini untuk kegunaan orang ramai. Oleh sebab peruntukan daripada pihak

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini ialah Rang Undang-undang Kewangan dan pertamanya ialah pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, yang kedua pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan (Tambahan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Ordinan Setem. Kalau boleh, Yang Berhormat tumpu kepada perkara-perkara yang berkaitan dari segi dasar.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakapkan ini ada kaitannya dengan pindaan-pindaan yang hendak dibuat itu bertujuan pihak Kerajaan hendak menolong orang ramai dan hendak meringankan beban orang ramai, tetapi itulah sebabnya saya ingin menarik perhatian kepada pihak Kerajaan sendiri dalam perkara hendak memberi pertolongan kepada orang ramai ini, saya telah mencadangkan tadi supaya pihak Kerajaan ini sendiri mengkaji sistem pembelannya apabila membuat peruntukan dalam Rang Undang-undang Kewangan ini. Ini tujuan dan oleh sebab itulah saya meminta Kerajaan selain daripada mengadakan pindaan-pindaan untuk faedah orang ramai, saya minta Kerajaan juga mengkaji semula supaya membuat pindaan kepada sistem yang Kerajaan sendiri lakukan terutama sekali dalam sistem pembelian yang menggunakan wang orang ramai untuk faedah orang ramai tetapi oleh sebab sistem pembelian (purchasing system) Kerajaan ini yang selalu kita memikirkan mempunyai pendapat seperti kata tadi, saya ulang, "menang membeli alah memakai", ini yang saya sebutkan. Jadi saya minta kepada pihak Kerajaan pula sewaktu kita mengkaji dan membuat pindaan kepada Rang Undang-undang Kewangan ini eloklah Kerajaan bersikap seperti kata pepatah "alah membeli menang memakai" daripada "menang membeli alah memakai".

Inilah dia salah satu teguran saya dalam perkara Rang Undang-undang tetapi saya menyokong Rang Undang-undang Kewangan 1980.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.07 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, sebenarnya saya tidak berapa banyak hendak sentuh. Apa yang saya sudah sentuh dalam perbahasan atas ucapan Belanjawan pada bulan Oktober pada prinsipnya terhadap beberapa pindaan yang dibentangkan hari ini memanglah bermakna dan saya tidak akan menentang beberapa pindaan yang akan berfungsi untuk menyekat seumpamanya rakyat Malaysia untuk membeli berlebihan rumah-rumah yang dihadkan di Malaysia supaya keadaan situasi spekulasi ini boleh dicegah dan dikontrol. Tetapi pada keseluruhannya saya nampak satu dua perkara yang pokok perlulah juga dipertimbangkan umpamanya Bahagian III satu pindaan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan (Tambahan) 1967 yang ada berkaitan dengan menghad pengecualian seseorang perseorangan mengenai Cukai Pembangunan daripada \$3,000 kepada \$5,000.

Sebenarnya saya fikir, DAP sudah beberapa kali menimbulkan di Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak tahu apakah sebabnya selama ini Kerajaan masih mengujudkan Cukai Pembangunan yang boleh dikatakan adalah merupakan satu cukai yang secara langsung atau tidak langsung akan membebaskan tanggungan kewangan pengguna-pengguna rakyat Malaysia. Walaupun Cukai pembangunan pada lahirnya adalah dikenakan kepada peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha tetapi Cukai Pembangunan ini tentu akan ditambah pada harga-harga barang yang mereka jual. Saya fikir sudah sampai masanya bagi Kerajaan mempertimbangkan dengan seriusnya, adakah tidak sesuainya Cukai Pembangunan (Development Tax) ini masih dikekalkan untuk peringkat sekarang, kerana memandangkan Malaysia sekarang sudah mempunyai begitu banyak cukai sehingga tidak boleh kira. Tiap-tiap barang kita gunakan atau benda yang kita pakai, sudah dikenakan cukai. Apa lagi hendak kenakan Cukai Pembangunan dan ditambah lagi Cukai Jualan.

Sebenarnya, kedua-dua cukai ini adalah merupakan satu bentuk tanggungan yang sangat berat yang secara langsung adalah ditanggung oleh rakyat yang pendapatan rendah. Saya tidak tahu apakah sebab Kerajaan masih mahu mengekalkan Cukai Pembangunan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada sebab-sebab

yang boleh meyakinkan rakyat Malaysia dan yang boleh diterima oleh rakyat yang berpendapatan rendah bahawa Cukai Pembangunan begitu mustahak terhadap sumber perbendaharaan negara kita maka ianya perlu dikekalkan. Kalau kita fikir Cukai Pembangunan ini tidak membawakan apa-apa sumber pendapatan dan sebaliknya boleh mengurangkan lebih banyak beban kewangan golongan rakyat yang berpendapatan rendah, maka lebih baik Cukai Pembangunan ini dibatalkan atau dimansuhkan untuk masa akan datang.

Di sini saya hendak tahu kerana selama ini yang kita minta Kerajaan tidak memberikan apa-apa alasan bahawa Cukai Pembangunan perlu dikekalkan. Saya harap hari ini bila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menggulung perbahasan atas Rang Undang-undang Kewangan ini maka satu alasan yang lebih lengkap yang boleh meyakinkan rakyat Malaysia yang boleh diterima oleh Dewan ini dibentangkan sebab-musabab bahawa Cukai Pembangunan (Development Tax) ini perlu dikekalkan lagi beberapa tahun ini. Saya bersedia duduk di sini mendengar sebab-musababnya, kerana dari pandangan kita, dari pandangan rakyat Malaysia biasa mereka kata Cukai Jualan, Cukai Pembangunan (Development Tax) perlu dibatalkan kerana Malaysia sudah cukup banyak cukai untuk menolong Kerajaan memungut sumber-sumber pendapatan, maka tak usah lagi wujud kedua-dua cukai yang diwujudkan oleh bekas Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu pandangan saya dan saya tidak mahu mengulangi apa yang saya sudah cakapkan dan saya hanya mahu mendengar sebab-musabab dari pihak Kementerian Kewangan yang masih mahu mengekalkan Cukai Pembangunan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Dungun.

4.14 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Kewangan 1980 ini. Meneliti pindaan-pindaan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak bahawa pindaan ini yang dibuat

oleh Kementerian Kewangan adalah benar-benar dan sungguh-sungguh untuk hendak menolong peniaga-peniaga kecil di dalam negara kita ini. Selain daripada hendak menolong peniaga-peniaga kecil yang sudah pun berniaga ianya merupakan sebagai satu insentif, sebagai satu daya untuk hendak menarik kepada peniaga-peniaga kecil yang baharu hendak mula berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan demikian kerana terdapat di dalam pindaan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini menampakkan bahawa Kerajaan benar-benar dan sungguh-sungguh berjalan ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pindaan yang dibuat kepada seksyen 109 yang berkaitan dengan potongan cukai daripada faedah (royalty) di dalam satu-satu kes.

Seksyen 109 (1) membekalkan kuasa untuk seseorang yang membayar faedah (royalty) kepada sesuatu pihak yang lain kecuali faedah (royalty) untuk pinjaman yang diluluskan. Memotong daripada faedah (royalty) tersebut untuk cukai pada kadar yang berpatutan dan membuat bayaran yang sama kepada Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri dalam masa satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan kepada satu amalan Cukai Jualan yang sedia ada. Di dalam pentadbiran Cukai Jualan, pengusaha-pengusaha telah dibekalkan kuasa untuk mengenakan Cukai Jualan ke atas peruncit-peruncit ataupun pengguna-pengguna. Didapati ketika ini masalah di mana pengusaha-pengusaha selepas mengenakan Cukai Jualan daripada peruncit-peruncit dan pengguna-pengguna tidak membuat bayaran yang sama kepada Kerajaan dalam tempoh yang dihadkan. Ini telah menimbulkan beberapa masalah di mana beberapa pengusaha telah dipaksa untuk memberhentikan perniagaan mereka setelah tindakan yang diambil oleh Kerajaan cara mengenakan penalty dan arahan untuk menyelesaikan Cukai Jualan yang terkumpul untuk beberapa tahun. Di sini saya berharap kepada Kerajaan akan mengambil segala langkah untuk menentukan bahawa masalah seperti ini tidak akan timbul di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pindaan kepada seksyen 109 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi Bab III, Fasal 20 ini yang hendak meminda pengecualian cukai pendapatan bagi maksud meningkatkan had pengecualian perseorangan mengenai Cukai Pembangunan dari \$3,000 ke \$5,000. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bahawa seseorang pengusaha ataupun peniaga kecil yang mendapat keuntungan \$5,000 ataupun ke bawah sedikit sehingga ke minima \$3,000 sebulan, dahulu \$3,000 dan sekarang dalam pindaan ini dinaikkan kepada \$5,000 adalah tidak seimbang kalau kita buat bandingan dengan pegawai-pegawai yang diberi had pengecualian cukainya lebih tinggi daripada had pengecualian cukai kepada peniaga-peniaga kecil ini. Di sini juga saya ingin menarik perhatian Kementerian agar had pengecualian cukai ini dinaikkan sekarang-kurangnya sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan sekira-kira mereka ini tidak menanggung beban cukai yang tinggi.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.18 ptg.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap perkembangan di dalam Kementerian Kewangan, khususnya terhadap Rang Undang-undang Kewangan 1980 yang telah dibentangkan. Semasa perbincangan sebentar tadi beberapa hujah-hujah dan teguran-teguran telah dilafazkan. Oleh kerana keterangan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan telahpun saya sentuh pada keseluruhannya semasa saya berucap membentangkan Rang Undang-undang ini, saya tidak bercadang mengulas dengan panjang lebar.

Walau bagaimanapun, saya rasa mustahak juga beberapa perkara yang memerlukan penjelasan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh atas ulasan Ahli Yang Berhormat dari Parit bahawa takrif pengusaha-pengusaha kecil bagi tujuan Skim Pinjaman Khas di bawah Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) adalah

menjadi penghalang perkembangan ataupun anti perusahaan. Suka saya menyatakan bahawa saya tidak dapat bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Parit kerana sekiranya sesuatu perniagaan itu telah maju dan berjaya ia tidaklah perlu lagi bergantung kepada kadar faedah yang rendah, kerana keuntungan yang boleh didapatinya tentulah lebih besar daripada faedah yang diberi di bawah skim galakan kepada pengusaha-pengusaha kecil. Dan lagi saya fikir adalah tidak wajar bagi seseorang pengusaha itu menahan perkembangan perusahaannya semata-mata bagi menikmati faedah yang disebutkan tadi.

Berhubung dengan cadangan supaya layanan yang diberi kepada anak-anak kapal yang bertugas di dalam perairan antarabangsa juga diberi kepada mereka yang bertugas di dalam perairan Malaysia, kajian akan dibuat mengenai perkara tersebut.

Bagi menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tentang pengecualian sewa oleh pegawai-pegawai yang berkhidmat di luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan untuk perkara yang tersebut memang tertakluk dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967. Pegawai-pegawai ini memang dapat menikmati pengecualian ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun adalah sangat dihargai. Dalam hal seksyen 109, Akta Cukai Pendapatan 1967, seseorang itu dikehendaki menolak cukai dari faedah atau royalti yang dibayar kepada bukan pemastautin. Penolakan cukai ini dibuat dari wang yang akan dibayar atau dikredit kepada orang lain. Wang tersebut adalah hak Kerajaan dan pembayar hanyalah sebagai agen Kerajaan. Oleh itu kesusahan yang dialami tidak akan dan tidak sepatutnya timbul, malahan pindaan kepada seksyen 109 adalah memberi kelonggaran kepada pihak pembayar kerana dalam hal-hal tertentu tempoh masa bayaran boleh dipanjangkan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja ulasan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya sedar bahawa ada juga beberapa perkara yang telah dibangkitkan yang tidak sempat saya mengulaskan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan telahpun dicatatkan dan perhatian serta tindakan yang sewajarnya akan diambil jika didapati perlu. Sekian dan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3—

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya Fasal 3 (1) dalam teks bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Fasal 3 (1)

Gantikan perkataan "assessment" yang terdapat sebelum noktah dengan perkataan "assessment".

Clause 3 (1):

Substitute the word "assessment" for the word "assesment" before the full stop.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 dan 5—

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya cuma di sini ingin mendapat penjelasan sahaja daripada Timbalan Menteri berkenaan sama ada pihak Kementerian beliau telah mempunyai satu sistem ataupun satu rancangan bagi memastikan bahawa Fasal 5 ini mencapai kepada matlamatnya.

Sepertimana yang diterangkan bahawa Fasal 5 ini adalah diubahkan kerana memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga kecil dan memberi galakan kepada bank-bank perusahaan untuk memberi pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil, tetapi apabila ia hendak dijalankan mestilah ada sesuatu rancangan yang konkrit supaya ianya benar-benar sampai kepada matlamat dan dapat memberi galakan kepada bank-bank untuk memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil. Sekiranya tidak ada sesuatu rancangan yang khusus yang diambil oleh pihak Kerajaan, saya rasa fasal ini hanyalah akan lebih menguntungkan bank-bank daripada keuntungan yang sepatutnya diperolehi oleh peniaga-peniaga kecil. Dengan sebab itulah maka di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri berkenaan sama ada terdapat rancangan-rancangan ataupun sistem yang tertentu yang telah diatur oleh pihak Kementerian supaya tujuan daripada pindaan ini sampai kepada matlamatnya.

Tuan Pengerusi: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, tentang keterangan yang diperlukan, saya telahpun menjelaskan dalam ucapan saya tadi.

Fasal 4 dan 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6—

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 6 dipinda sebagaimana dalam Kertas Dr. No. 30/80 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaan kepada teks bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

Fasal 6:

- (a) Nomborkan semula proviso-proviso (a), (b) dan (c), masing-masingnya sebagai proviso-proviso (i), (ii) dan (iii) dalam rujukan kepada seksyen 7 (1) (b) Akta Ibu.
- (b) Gantikan perkataan "aboard" dalam proviso (i) (sebagaimana yang telah dinomborkan semula) dalam rujukan kepada seksyen 7 (1) (b) Akta Ibu dengan perkataan "abroad".

Clause 6:

- (a) Re-number provisoes (a), (b) (c) as provisoes (i), (ii) and (iii) respectively in the reference to section 7 (1) (b) of the principal Act.
- (b) Substitute the word "abroad" for the word "aboard" in proviso (i) (as renumbered) in the reference to section 7 (1) (b) of the principal Act.

Pindaan kepada teks Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

Fasal 6:

Nomborkan semula proviso-proviso (a), (b) dan (c) masing-masingnya sebagai proviso-proviso (i), (ii) (iii) dalam rujukan kepada seksyen 7 (1) (b) Akta Ibu.

Clause 6:

Re-number provisoes (a), (b) and (c) as provisoes (i), (ii) (iii) respectively in the reference to section 7 (1) (b) of the principal Act.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 6 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11—

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 11 dalam teks Bahasa Inggeris dipinda sebagaimana dalam Kertas Dr. No. 30/80 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pindaan adalah seperti berikut:

Fasal 11 (b): Potong huruf "s" dalam perkataan "figures".

Clause 11(b): Delete the letter "s" in the word "figures".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 11 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 15—

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 15 dipinda sebagaimana dalam Kertas Dr. No. 30/80 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pindaan adalah seperti berikut:

Fasal 15: Potong koma yang terdapat selepas perkataan "individual" dan gantikan perkataan-perkataan "other than" dalam baris satu rujukan kepada seksyen 128 (1) (c) Akta Ibu dengan perkataan-perkataan "is not".

Clause 15: Delete the comma after the word "individual" and substitute the words "is not" for the words "other than" in line one of the reference to section 128 (1) (c) of the principal Act.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 15 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16 hingga 22 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 23—

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 23 dipinda sebagaimana dalam Kertas Dr. No. 30/80 yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pindaan kepada teks Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

Fasal 23: Masukkan perkataan "is" di antara perkataan-perkataan "but" dan "a permanent resident" dalam rujukan kepada seksyen 8 Akta Ibu.

Clause 23: Insert the word "is" between the words "but" and "a permanent resident" in the reference to section 8 of the principal Act.

Pindaan kepada teks Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

Fasal 23:

(a) Gantikan perkataan "menjadi" dalam rujukan kepada seksyen 8 Akta Ibu dengan perkataan "adalah".

(b) Masukkan perkataan "adalah" di antara perkataan-perkataan "tetapi" dan "seorang pemastautin tetap" dalam rujukan kepada seksyen 8 Akta Ibu.

Clause 23:

(a) Substitute the word "adalah" for the word "menjadi" in the reference to section 8 of the principal Act.

(b) Insert the word "adalah" between the words "tetapi" and "seorang pemastautin tetap" in the reference to section 8 of the principal Act.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 23 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 24 hingga 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 27—

Dato' Mok Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 27 dalam teks bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

Fasal 27:

Masukkan perkataan "is" di antara perkataan-perkataan "but" dan "a permanent resident" dalam rujukan kepada perenggan dua Jadual 4 kepada Akta Ibu dan dalam teks Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

(a) Gantikan perkataan "menjadi" dalam rujukan kepada perenggan 2 Jadual 4 Akta Ibu dengan perkataan "adalah".

(b) Masukkan perkataan "adalah" di antara perkataan-perkataan "tetapi" dan "seorang pemastautin tetap" dalam rujukan kepada perenggan 2 Jadual 4 Akta Ibu.

Clause 27:

Insert the word "is" between the words "but" and "a permanent resident" in the reference to paragraph 2 of Schedule 4 to the principal Act.

(a) Substitute the word "adalah" for the word "menjadi" in the reference to paragraph 2 of Schedule 4 to the principal Act.

(b) Insert the word “adalah” between the word “tetapi” and “seorang pemastautin tetap” in the reference to paragraph 2 of Schedule 4 to the principal Act.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 27 sebagaimana dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 28 hingga 30 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 31—

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 31 (c) dalam teks bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia dipinda seperti berikut:

Fasal 31 (c): Gantikan perkataan-perkataan “\$2,400 and any excess thereof for every \$250 or part thereof” dalam rujukan kepada butiran kecil-kecil (a) (ii) butiran 49 Jadual pertama kepada Ordinan itu dengan perkataan-perkataan “For every \$250 or part thereof in excess of \$2,400.”

Clause 31 (c): Substitute the words “For every \$250 or part thereof in excess of \$2,400” for the words “\$2,400 and any excess thereof for every \$250 or part thereof” in the reference to sub-sub-item (a) (ii) of item 49 of the First Schedule to the Ordinance.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1980)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang

Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu” dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan sebanyak \$588,572,980 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuncukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Asal, 1980 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1980. Keperluan bagi membentangkan Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan.

Sebenarnya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1980 adalah berjumlah \$679,644,506 tetapi hanya sebanyak \$588,572,980 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$91,071,526 dari peruntukan tersebut adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang tertentu.

Sebahagian besar daripada Tambahan ini iaitu sebanyak \$353 juta adalah untuk membiayai kenaikan gaji dalam sektor awam mulai daripada 1hb Julai, 1980 berikutan dengan perlaksanaan penyemakan gaji yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet bagi Gaji Pegawai Sektor Awam. Tambahan-tambahan terbesar bagi maksud ini adalah di bawah Maksud B. 29—Kementerian Pelajaran sebanyak \$199.2 juta, Maksud B. 37—Kementerian Kesihatan sebanyak \$59.7 juta dan Maksud B. 34—Kastam dan Eksais Di Raja sebanyak \$12.5 juta.

Peruntukan tambahan juga dikehendaki sebanyak \$232 juta di bawah Maksud B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai penambahan bayaran subsidi bahan-bahan petroleum berikutan dengan kenaikan harga bahan-bahan tersebut.

Di samping itu, peruntukan tambahan sebanyak \$3 juta adalah diperlukan untuk menambah perbelanjaan pengurusan bagi beberapa Kementerian dan Jabatan di antaranya termasuklah Maksud B. 17—Perkhidmatan Bomba yang memerlukan sebanyak \$1.4 juta.

Keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini adalah dijelaskan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 40 tahun 1980.

Dengan tambahan sebanyak \$588,572,980 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1980 ialah \$9,450,634,396. Jika dimasukkan Anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$2,369,004,506, maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1980 ialah \$11,819,638,902.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ucapan ini, saya ingin mengemukakan suatu cadangan ke atas Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, Tahun 1980.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1980

4.55 ptg.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul berikut yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$401,283,408 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1980, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1980, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, Tahun 1980 ini, peruntukan sebanyak \$401,283,408 adalah dikehendaki sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan Asal 1980 dan Tambahan Pertama, 1980 yang berjumlah \$10,260,953,738. Dengan cadangan Tambahan ini, maka jumlah peruntukan Anggaran Pembangunan bagi

tahun 1980 ialah sebanyak \$10,662,237,146. Dari jumlah \$401,283,408 yang dimasukkan dalam Anggaran Tambahan Kedua, 1980 ini, sebanyak \$379,838,961 adalah perbelanjaan cara langsung dan selainnya sebanyak \$21,444,447 adalah merupakan perbelanjaan pinjaman.

Penjenisan tambahan peruntukan yang dicadangkan ini mengikut sektor pelaburan pembangunan awam adalah seperti berikut:

Tambahan terbesar yang diperlukan adalah di bawah sektor Perdagangan dan Perusahaan iaitu berjumlah \$235.3 juta. Dari jumlah ini, sebanyak \$172 juta adalah dikehendaki untuk membayar kos pembelian saham Bank Bumiputra Malaysia Berhad berikutan dengan keputusan untuk menaikkan Modal di Bank tersebut dan sebanyak \$58 juta diperlukan untuk membeli ekuiti dalam Syarikat Gula Padang Terap Berhad. Selainnya sebanyak \$5.3 juta adalah diperlukan untuk Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Berhad untuk menubuhkan sebuah Tabung Pusingan bagi membiayai perbelanjaan membeli bahan-bahan mentah seperti kain putih, benang sutera dan sebagainya di dalam usaha untuk membantu pengusaha-pengusaha Bumiputra yang bergiat di dalam bidang niaga tersebut.

Di bawah sektor Pentadbiran Am, peruntukan sebanyak \$99.2 juta adalah diperlukan. Dari jumlah ini, sebanyak \$97.3 juta adalah dikehendaki untuk membeli dua buah bangunan iaitu sebuah di Hongkong yang bertujuan untuk menempatkan pejabat-pejabat bagi Jabatan/Kementerian dan agensi-agensi lain kita di Hongkong dan sebuah bangunan lagi iaitu bangunan Blok 'B' Bangunan PKNS, di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur untuk dijadikan ruang pejabat. Sebanyak \$1.7 juta adalah diperlukan oleh Jabatan Percetakan Negara untuk menyiapkan kerja-kerja bagi projek Bangunan Cawangan Percetakan Keselamatan/Setor Am dan kerja-kerja pemulihan pejabat-pejabat cawangan. Selainnya sebanyak \$174,000 adalah diperlukan untuk perbelanjaan menyiapkan Makmal Memproses Filem-filem Berwarna dan kerja-kerja menambah ruang lantai di bangunan Filem Negara.

Peruntukan sebanyak \$38.3 juta dikehendaki di bawah sektor Perkhidmatan Sosial dan Masyarakat. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$25 juta dikehendaki untuk membantu 75 buah Penguasa-penguasa Tempatan yang telah disusun semula, sebanyak \$7.5 juta diperlukan bagi membiayai projek-projek kecil di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan dan sebanyak \$3.8 juta diperlukan untuk membiayai projek-projek kecil kemajuan perkampungan di kawasan kampung-kampung baru dan persekitarannya. Selainnya sebanyak \$1.3 juta adalah dikehendaki oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberi pinjaman sebanyak \$1 juta kepada Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan urusniaga dan sebanyak \$372,886 adalah merupakan bayaran baki sumbangan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Perak untuk membina Stadium Tertutup di Ipoh, Perak.

Di bawah sektor Pertanian dan Pembangunan Luarbandar, sebanyak \$27 juta adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$10 juta diperlukan sebagai pinjaman kepada Bank Pertanian Malaysia untuk membolehkan Bank tersebut menguruskan usaha-usaha memberi sumbangan kewangan dan khidmat nasihat kepada petani-petani. Selainnya sebanyak \$12.6 juta diperlukan oleh FELCRA untuk melaksanakan 17 buah rancangan tanah baru dan sebanyak \$4.3 juta adalah diperlukan untuk membiayai projek penyusunan semula kampung-kampung tradisional di persekitaran kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang sering diancam banjir dan juga atas sebab-sebab keselamatan.

Di bawah sektor Pengangkutan pula, sebanyak \$1 juta adalah diperlukan. Peruntukan tersebut diperlukan untuk bayaran imbuhan kepada Keretapi Tanah Melayu (KTM) bagi melaksanakan projek Sekolah Latihan Keretapi.

Tambahan yang dikehendaki di bawah sektor Perhubungan adalah kecil sahaja iaitu sebanyak \$507,311. Dari jumlah ini, sebanyak \$478,148 adalah untuk bayaran kemajuan bagi projek Pejabat Pos Sarikei

dan Pejabat Bungkus Pending, Kuching dan sebanyak \$29,163 adalah untuk bayaran balik wang tahanan untuk projek Pejabat Pos Limbang, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, keterangan-keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini adalah dinyatakan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) (No. 2) 1980 dan Usul atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$401,283,408 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1980, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1980, dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.00 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980) yang sekejap tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Speaker, pada permulaannya saya hendak membahaskan prinsip Rang Undang-undang ini oleh kerana saya rasa bahawa

apabila kita sampai kepada peringkat Jawatankuasa kita boleh membahaskan detail-detailnya tetapi sekarang saya hendak bercakap tentang prinsip Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dasar.

Tuan Lee Lam Thye: Ya, dasar am.

Tuan Speaker, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Awam Persekutuan dalam tahun 1980, melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan tahun 1980 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan tahun 1980 dan untuk mengadakan peruntukan bagi menggantikan peruntukan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Tuan Speaker, ini ialah satu ciri biasa dalam sistem belanjawan kita dan tentulah saya tidak ada apa-apa penentangan terhadap perkara ini, oleh kerana saya sedar bahawa pembayaran tambahan untuk perkhidmatan-perkhidmatan tertentu dikehendaki untuk didahulukan dari Kumpulanwang Luar Jangka sekiranya pembayaran tambahan ini adalah dikehendaki untuk membayar perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang tidak dapat diduga pada awalnya.

Akan tetapi saya suka menitikberatkan di sini bahawa Kementerian-kementerian ataupun Jabatan-jabatan yang memerlukan pembayaran tambahan ini harus dan mesti dapat mengenali (identify) bidang-bidang yang patut diberi keutamaan (priority areas). Dalam perkataan yang lain, pegawai-pegawai yang berkenaan haruslah dapat menduga apakah masalah-masalah yang mungkin akan timbul dalam sesuatu perkara yang tertentu yang memerlukan pembayaran tambahan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Kita tidak boleh membenarkan satu situasi di mana sesuatu projek tertentu tergendala oleh kerana timbul masalah kekurangan peruntukan khasnya tentang satu perkara yang boleh dianggap sebagai mustahak yang patut disegerakan.

Di sini saya ingin memberi satu contoh yang amat membimbangkan saya dan juga yang amat membimbangkan orang ramai. Apa

yang saya maksudkan ialah contoh yang saya ingin menyebut di sini ialah tentang masalah banjir kilat yang berlaku di Wilayah Persekutuan baru-baru ini dan juga pada masa sekarang. Saya suka menarik perhatian Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dan khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu laporan dalam suratkhbar *Utusan Malaysia* pada hari ini. Saya harap Tuan Speaker mengizinkan saya memetik laporan itu dan perenggan yang saya hendak maklumkan kepada Dewan ini. Dalam laporan *Utusan Malaysia* hari ini ada satu report yang menyatakan dan saya suka membacanya sedikit, dengan izin:

“Kuala Lumpur, 3hb Disember. Jabatan Parit dan Taliair (JPT) Wilayah Persekutuan menegaskan bahawa pihaknya tidak dapat berbuat apa-apa bagi membantu meringankan penderitaan lebih 1,000 orang penghuni rumah haram di Kampung Sungai Kerayong, Batu 2½, Jalan Cheras dari ancaman banjir kerana segala peruntukannya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah habis”.

Tuan Speaker, saya berpendapat bahawa alasan yang telah diberi oleh seorang jurucakap daripada JPT Wilayah Persekutuan ini berkenaan dengan tidak ada peruntukan lagi dan oleh sebab ini tidak dapat berbuat apa-apa, tidak dapat mengorek sungai itu, tidak dapat memperdalamkan sungai, saya berpendapat bahawa alasan ini tidaklah wajar dan tidak menasabah. Oleh kerana tadi saya ada mengatakan bahawa sekiranya pegawai-pegawai yang berkenaan ataupun Jabatan-jabatan yang berkenaan pada awalnya dapat menduga bahawa masalah ini tentu akan timbul khasnya pada musim hujan maka pada awalnya Jabatan yang berkenaan patutlah menyampaikan perkara ini kepada Perbendaharaan untuk mendapat pembayaran tambahan dan pihak Perbendaharaan ada tanggungjawab untuk meluluskan pembayaran tambahan untuk membantu mengatasi sesuatu masalah yang boleh dianggap satu masalah yang penting dan patut disegerakan.

Saya sebut contoh ini, Tuan Speaker, oleh kerana saya sendiri telah melawat tempat itu iaitu Kampung Kerayong dan saya dapat melihat betapa kesihan penduduk-penduduk yang tinggal di situ, tempat itu selalu dilanda

oleh banjir kilat dan apa yang saya diberitahu dalam bulan November ini tempat itu dilanda oleh banjir kilat lapan kali dan tentulah semua penduduk-penduduk di situ berasa amat dukacita sangat menderita oleh sebab perkara ini.

Bagaimana masalah ini boleh timbul? Masalah ini timbul oleh kerana hakisan (silting) di Sungai Kerayong dan saya rasa amat dukacita kerana JPT mengatakan tidak boleh buat apa-apa oleh sebab tidak ada peruntukan.

Memandang kepada hal ini saya suka merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya suka merayu kepada pihak Perbendaharaan supaya dengan serta merta mengeluarkan satu peruntukan khas daripada Kumpulanwang Luar Jangka itu dengan tujuan untuk melengkap ataupun memberikan peruntukan kepada JPT supaya JPT Wilayah Persekutuan dapat memulakan kerja untuk mengorek dan memperdalamkan Sungai Kerayong itu sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah banjir kilat di tempat itu. Saya rasa bahawa itu ialah satu perkara yang urgent dan masa ini bukanlah masa untuk membincang dari segi perundangan (to discuss the legality of the problem) dan mungkinlah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengatakan bahawa ini adalah rumah haram mengapa mereka hendak membina rumah haram di tepi Sungai Kerayong. Tetapi saya rasa ini bukanlah masa untuk membincang legality of the problem tetapi apa yang patut dibuat ialah keluaran peruntukan, meluluskan pembayaran tambahan supaya pihak JPT dapat dengan serta merta mengambil tindakan yang wajar untuk memperdalamkan sungai itu dan mencari langkah-langkah yang wajar dibuat oleh pihak JPT berkenaan dengan perkara itu.

Yang akhirnya, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi keperimanasian boleh diambil satu tindakan untuk membantu, untuk menolong semua penduduk-penduduk di kampung Kerayong ini demi keselamatan mereka, demi untuk tujuan mengatasi satu masalah yang sentiasa dialami oleh pihak mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Baling.

5.13 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membincangkan Rang Undang-undang ini dan yang pertamanya saya ingin menyentuh juga tentang perbelanjaan-perbelanjaan dan penggunaan-penggunaan wang awam di dalam negara kita ini. Kerana saya dapati bahawa di dalam Lapuran-lapuran Odit banyak sekali didapati wang awam digunakan dengan secara yang tidak betul dan apabila ianya melibatkan soal-soal penggunaan wang yang banyak maka sudah tentulah peranan Jabatan Odit adalah penting terutamanya apabila penggunaan-penggunaan wang awam itu menjadi kian rumit pada masa ini.

Saya dapati seperti mana yang berlaku di dalam perbelanjaan wang awam oleh Kerajaan Johor seperti yang dinyatakan oleh Ketua Juru Odit Negara terdapat banyak rancangan-rancangan yang tidak mempunyai faedah yang nyata kepada orang ramai tetapi telah digunakan dengan sewenang-wenangnya. Oleh yang demikian, saya memang bersetuju Jabatan Odit ini mendapat peruntukan yang lebih bahkan dengan ini juga saya suka mencadangkan supaya Jabatan Odit ini diperkuat dan diperkemaskan lagi. Jabatan ini hendak diberi kuasa-kuasa yang lebih bagi menyelidik dan mengawal perbelanjaan Kerajaan yang melibatkan wang orang ramai.

Saya juga berpendapat bahawa Kerajaan perlu lebih berhati-hati lagi di dalam penggunaan wang awam ini terutamanya apabila peruntukan-peruntukan tambahan dibuat. Saya suka menarik perhatian kepada apa yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi bahawa di antara tambahan yang dibuat ialah untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi membeli ekuiti Syarikat Gula di Padang Terap. Setahu saya bahawa syarikat ini mengalami kerugian besar dan tidak lagi sesuai untuk diteruskan. Tetapi dari segi politik dan perhetongan politik kilang ini perlu dipertahankan kerana sudah banyak tanah-tanah kampung yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menanam tebu. Kalaulah sekiranya wang orang ramai digunakan dengan tujuan seperti ini sudah tentulah ia memberi makna bahawa wang awam itu telah disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa penglibatan Kerajaan di dalam perniagaan di dalam perdagangan sudah sampai kepada peringkat yang optima dan jika diteruskan di dalam keadaan sekarang ia sudah tentulah akan memboroskan lebih banyak lagi wang orang ramai. Banyak wang-wang Kerajaan hilang begitu sahaja kerana kerugian perusahaan-perusahaan dan juga kegiatan-kegiatan perniagaan yang dikendalikan oleh Kerajaan. Saya mengambil contoh bagaimana Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan masa melaburkan sebanyak \$35 juta di dalam beberapa aktiviti perusahaan hilang begitu sahaja tidak tahu ke mana perginya kerana syarikat-syarikat ini menanggung kerugian. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mengkaji semula penglibatannya di dalam kegiatan-kegiatan seperti ini dan saya suka mencadangkan di sini supaya Kerajaan hanya melibatkan diri di dalam perusahaan-perusahaan yang besar sahaja yang tidak mampu diusahakan oleh orang perseorangan atau syarikat-syarikat yang lain daripada Kerajaan. Adapun perusahaan-perusahaan yang sederhana yang ditaja oleh Kerajaan khususnya untuk menolong bumiputra hendaklah dipindahkan kepada bumiputra dengan secepat mungkin kerana penglibatan Kerajaan yang keterlaluan di dalam bidang-bidang seperti ini hanyalah akan membawa kerugian semata-mata dalam jangka panjang. Dan jika sekiranya Kerajaan hendak melibatkan diri maka ianya hendaklah tentukan dalam jangka masa yang terhad dengan tujuan benar-benar untuk memberi pertolongan kepada bumiputra itu dan bukanlah hendak memikul dan bukanlah hendak meneruskan sampai pada bila-bila masa.

Kerajaan selalu menyatakan bahawa penglibatan Kerajaan dalam perusahaan-perusahaan seperti ini ialah untuk menolong bumiputra tetapi sampai sekarang ini saya tidak dengar lagi bahawa syarikat-syarikat yang ditaja oleh Kerajaan ini telahpun diserahkan kepada bumiputra. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan hendak melibatkan secara langsung di dalam urusan-urusan perniagaan dan ini menyebabkan belanja mengurus Kerajaan meningkat dengan hebatnya kerana Kerajaan menanggung dan mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap kegiatan-kegiatan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali ingin menyatakan bahawa perlunya peruntukan-peruntukan tambahan ini dilakukan secara teliti dan wang awam ini hendaklah digunakan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang soal perkhidmatan awam di negara kita sekarang. Saya sering mendapat dan mendengar rungutan-rungutan daripada pegawai-pegawai yang tidak termasuk di dalam taraf pegawai PTD sama ada PTA atau PTU ataupun yang terlibat di dalam perkhidmatan-perkhidmatan profesional dan teknik.

Mereka yang selain daripada pegawai-pegawai PTD ini merasakan bahawa mereka telah dianak tirikan di dalam soal-soal kenaikan pangkat dan sebagainya. Rungutan-rungutan mereka walaupun mungkin tidak benar, tetapi merupakan suatu keadaan tidak puas hati yang boleh mengganggu, yang boleh merosakkan perkhidmatan awam iaitu baik dari segi merangka tanggagaji dan sebagainya adalah dibuat dan dimonopoli oleh golongan atau pegawai-pegawai yang termasuk di dalam kumpulan PTD. Dengan sebab itu golongan-golongan profesional tidak mempunyai peluang untuk menjawat jawatan-jawatan yang penting di dalam negara kita.

Sebab itulah maka timbul rasa keciwa di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dalam bidang profesional dan lagi pun sampai sekarang bilangan pegawai-pegawai Kerajaan di dalam bidang profesional memegang jawatan-jawatan seperti jawatan-jawatan yang tinggi tidaklah begitu banyak jika dibandingkan dengan pegawai-pegawai yang termasuk di dalam kumpulan PTD ini. Pada hal jika kita lihat sampai sekarang ini misalnya Ketua Setiausaha Negara tidak pernah dijawat oleh mereka yang mempunyai kelulusan profesional atau kelulusan yang lain, bahkan mereka adalah terdiri daripada kelulusan dalam bidang-bidang kemanusiaan dan kesusasteraan. Ini adalah suatu keadaan yang tidak wajar dan tidak adil dan saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan di dalam perkhidmatan awam ini tidak menunjukkan ataupun tidak mempunyai identiti kasta-kasta di dalam perkhidmatan

awam. Jika sekiranya semua pegawai-pegawai ini dilayan secara yang wajar, secara yang adil sudah tentulah mereka dapat berkhidmat dengan lebih bersungguh-sungguh lagi.

Saya mengambil satu contoh iaitu Pegawai Tadbir Ugama (PTU) di Pusat Islam misalnya dan juga di Jabatan Ugama Wilayah Persekutuan. Mereka ini tidak mempunyai peluang untuk memegang jawatan-jawatan yang penting di dalam soal pentadbiran ugama yang mereka mempunyai kelayakan di dalamnya. Tetapi jawatan-jawatan penting di dalam pentadbiran Ugama Islam ini dipegang oleh pegawai-pegawai PTD juga dan pada masa sekarang banyak pegawai-pegawai PTD ini ditempatkan di tempat-tempat penting di Pusat Islam pada hal pegawai-pegawai perkhidmatan Ugama ini nampak bahawa dengan cara yang demikian mereka tidak mempunyai peluang yang besar bagi menduduki jawatan-jawatan yang penting itu. Dalam keadaan ini sudah tentulah mereka merasa keciwa dan kesal. Begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa susunan perkhidmatan awam ini perlu disusun semula supaya tidak wujud keadaan berkasta di dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang tambahan kepada Parlimen di mana tambahan ini di antaranya barangkali kerana memberi elaun tambahan kepada Ahli-ahli Parlimen. Apa yang saya hendak sentuh di sini bukan soal itu kerana itu telahpun dibincangkan dahulu tetapi apa yang hendak saya sentuh di sini keadaan Parlimen ini sendiri yang kelihatan bocor di sana dan bocor di sini. Saya difahamkan bahawa suatu jumlah wang sebanyak \$600,000 telah diperuntukkan untuk membaiki kebocoran-kebocoran di Parlimen dan diserahkan kepada JKR untuk mengendali dan menguruskannya. Tetapi pihak Jabatan Kerjaraya nampaknya tidak mengawasi dengan teliti kerja memperbaiki yang dilakukan pada Parlimen ini dan walaupun sejumlah wang sebanyak \$600,000 telah dibelanjakan keadaannya tidaklah berubah. Saya ingin mempersoalkan tentang disiplin di dalam Jabatan Kerjaraya dan ini berlaku di hadapan Ahli-ahli Parlimen, di hadapan Menteri-menteri apa lagi disiplin mereka jika melakukan kerja-kerja jauh di pendalaman, misalnya. Dan saya yakin bahawa kelambatan yang dialami oleh

Jabatan Kerjaraya ini kerana kelalaian-kelalaian seperti ini tidak ada pengawasan yang teliti terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Kerjaraya sama ada kerana mereka kurang pengawas-pengawas ataupun faktor-faktor yang lain. Walau apapun faktor kelambatan dan tidak ada pengawasan yang teliti, masalah-masalah ini perlulah dititik-beratkan dan perlulah diselesaikan oleh Kementerian Kerjaraya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengharapkan supaya peruntukan-peruntukan ataupun sebelum daripada peruntukan-peruntukan tambahan yang hendak dibuat hendaklah kita memastikan bahawa apa yang telah diluluskan itu dapat dibelanjakan dengan wajar oleh Kerajaan dan Kerajaan perlulah memastikan bahawa wang orang ramai tidak disesia-siakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

5.33 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta bangun menyokong usul ini, di samping itu saya sukacita mengambil bahagian di dalam beberapa perkara.

Yang pertama, rakyat Malaysia patutlah berbangga dan sudah semestinya berbangga dengan perjalanan penggunaan kewangan negara ini kerana setiap satu sen wang negara yang digunakan oleh Kerajaan telah dapat dikesan dengan begitu halus dan teliti dan dilaporkan kembali kepada rakyat dengan tidak ada apa-apa perasaan ragu yang terse-lingung di dalamnya.

Yang kedua, kebebasan cara menegur perjalanan kewangan negara ini adalah terbuka luas kepada sesiapa juga rakyat negara ini dapat mengambil bahagian dan memberi perhatian serta teguran dengan tidak ada apa-apa halangan. Ini adalah satu perkara yang amat baik kepada negara kita.

Yang ketiga, sebarang aktiviti yang telah lepas yang telah berjalan dengan begitu baik hendaklah dikenang oleh setiap ahli yang menyambung aktiviti-aktiviti yang berkenaan

itu. Tidaklah patut adanya timbul perasaan-perasaan tidak puas hati kepada pihak-pihak yang menyambung aktiviti-aktiviti pada masa yang akan datang daripada satu masa ke satu masa.

Yang keempat, saya suka menarik perhatian kita tidak mustahak mempersoalkan siapa yang menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi satu-satu peranan yang penting di dalam negara ini dan tidak perlu mempersoalkan apakah kelulusan dan kebolehan pegawai dan orang yang berkenaan itu, tetapi yang penting kita mempersoalkan, yang penting diketahui oleh rakyat dan yang penting untuk faedah bangsa, agama dan negara ini ialah tugas yang mereka laksanakan dan kerja yang dibebankan kepada beliau itu adakah berjaya atau memuaskan kepada rakyat dan kepada negara ini.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat mustahak hendaklah diawasi oleh Kerajaan kita iaitu unsur-unsur pertarungan di antara satu agama dengan satu agama di lain-lain negara sama ada negara dekat atau negara jauh dengan negara kita hendaklah kita pastikan bahawa pertarungan agama di negara-negara berkenaan itu tidak diheret oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab masuk ke dalam negara kita yang mana rakyat kita akan terbabit dan mengambil bahagian secara langsung atau tidak secara langsung cara pertarungan di negara-negara yang berkenaan itu. Dari segi ini unsur-unsur itu telah mula cuba diheret secara disedari ataupun tidak oleh kita, ini mungkin ada percubaan-percubaan hendak mengheret pertarungan di negara-negara yang berkenaan itu dibawa ke dalam negara kita yang akan menjadi perkara yang tidak baik kalau tidak dapat diatasi secara halus dan teliti. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati pihak yang bertanggungjawab di dalam negara ini telah berjaya dapat menumpaskan anasir-anasir yang berkenaan itu tetapi kita yakin percubaan mereka tentulah akan terus-menerus dari satu masa ke satu masa.

Baharu-baharu ini saya sendiri dapat satu siaran daripada satu pihak tertentu, dengan izin tidak payah saya sebutkan namanya pihak mana itu, tetapi saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah dapat satu siaran daripada pihak yang

berkenaan yang saya tafsirkan siaran itu merupakan satu cara mengheret pertarungan antara agama di sebuah negara lain masuk ke dalam negara kita. Jadi, kalau tidak silap tafsir dan kalau kita kurang teliti, Tuan Yang di-Pertua, mungkin perkara ini akan timbul di dalam negara kita. Oleh sebab itu, perkara-perkara yang demikian walaupun keadaannya kecil tetapi kalau dibiarkan dia menjadi membesar dan pihak-pihak yang berkenaan menggunakannya untuk faedah mereka yang tertentu maka kita, Kerajaan kita, rakyat kita, negara kita akan menanggung perkara-perkara yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya perkatakan dan saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

5.38 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 1980 yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya berpendapat apa sahaja yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu yang telah dibelanjakan pada tahun 1980 walaupun pada akhir tahun 1979 Dewan ini tidak meluluskan, saya percaya penuh dengan tulisan-tulisan dan kenyataan-kenyataan yang telah diberi dalam Kertas Perintah 40 dan sebagainya ini sebenarnya telah dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berkehendakkan kepada kemajuan kalaulah satu-satu perkara itu menjadi manafaat kepada negara, keselamatan kepada negara, saya berpendapat wajar sangatlah tambahan-tambahan itu dibuat walaupun pada asalnya tidak diluluskan. Kita sebagai sebuah parti yang memerintah walaupun ada pihak parti Pembangkang mengatakan kita berbelanja cara membazir dan sebagainya, tetapi pada pendapat saya tidak, kerana tentulah Kerajaan mengawasi satu persatu. Bagaimana saya katakan tadi kalau satu-satu benda itu berfaedah kita hendak tunggu lulus dahulu baharu kita hendak buat, benda itu kalau tidak lulus

tidak boleh buat, maka selalulah kita ini dalam ketinggalan zaman, kata orang. Jadi, saya bersetuju sangat apa yang difikirkan perlu untuk kebaikan belanjakanlah asalkan benda itu berfaedah.

Saya penuh yakin pihak Dewan kita hari ini tidak teragak-agak walaupun lebih daripada had yang dituntut tentu kita menyokong kerana kita percaya apa yang diminta ialah perkara yang dibelanjakan untuk kebaikan, apatah lagi perkara-perkara yang diluluskan oleh Kabinet dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya sukalah menambah sedikit sebanyak. Satu, saya dapati kita hendak membereskan supaya jangan jadi kerja tahun 1979 terpaksa dibuat tahun 1980, inilah salah satu sebab kekurangan kakitangan. Saya harap sangat-sangatlah kakitangan ini patutlah kita isi dengan secepat yang boleh dan ini juga berlaku pada orang yang memohon. Bila dia tidak dapat tetapi dia tidak dapat maklumat sama ada permohonan dia itu diterima ataupun tidak. Saya harap sangat-sangatlah kepada pihak yang berkenaan kalaulah satu pihak yang memohon itu tak dapat hendaklah diberitahu secara surat, biarlah benda itu dia tahu, senang dia hendak mengurus kerja lain ataupun apa yang dipandang patut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya mengucapkan terima kasih kepada bekas Ketua Setiausaha Negara yang baru-baru ini saya dengar telah membuat satu kenyataan bahawa ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang datang ke pejabat lewat daripada masa dan balik daripada masa yang ditentukan, kata pepatah: masakan pokok hendak bergoyang kalau anginnya tak ada. Saya tak fikir kenyataan yang akan dibuat oleh bekas Ketua Setiausaha Negara melainkan perkara ini telah berlaku tetapi saya percaya banyak pegawai Kerajaan yang menuduh setengahnya, saya sendiri biasa, saya tak mahu sebut nama, di Perlis tempat saya sendiri ada, di Kuala Lumpur ada, sebelum pukul 8.00 pagi sudah datang. Ada pegawai yang bertanggungjawab sampai pagi begitu kerjanya tak habis dibuat dan dia pula lebih suka datang awal kerana kalau datang awal terlepas jam ini. Jadi untung kerja dahulu boleh buat banyak, jam pun tak kena, tetapi dia pegawai yang macam dikatakan oleh bekas Ketua Setiausaha Negara tadi. Maka dengan sebab itulah saya yakin

Ketua Setiausaha Negara yang baru telah mengambil alih pada 1hb Disember, saya yakin akan mengikuti apa yang dikatakan oleh bekas Ketua Setiausaha Negara itu.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, patutlah Ketua-ketua Pejabat, Menteri-menteri dalam pejabatnya membuat satu lawatan mengejut selalu. Saya taklah bermaksud bila pergi melawat nanti orang yang merayu saya tetapi kalau cara diplomasi dia tengok Menteri itu datang, dia tak datang lagi, manusia yang bekerja ini tentu dia rasa malu, apatah lagi yang datang itu pula bukan alang-alang kelulusan, jadi tentu dia rasa malu bila dia datang selalu. Patutlah Menteri buat lawatan mengejut, baik ke pejabat begitu juga ke pusat-pusat yang dia sudah tengok.

Kita hari ini saya percaya selalu buat lawatan tetapi lawatan yang kita buat disambut dengan "bunga manggar", kalau di Perlis dengan "hadrah", Selangor dengan "Kompang" dan sebagainya, kadang-kadang kita menguruskan sambutan itu sampai seminggu tak selesai. Saya berpendapat kerja yang macam ini kita buat kerana kita sebagai manusia ini hendak ada juga tetapi elok lawatan mengejut patut diadakan, baik peringkat pusat, juga di peringkat negeri.

Sekali lagi saya tegaskan, saya bukan kata tak percayakan semua pegawai, saya sudah katakan tadi, ada yang pukul 7.45 pagi sudah datang, ada yang pukul 5.00 petang tak balik lagi, banyak pegawai yang semacam itu. Maklumlah kata pepatah: nyior semayang masakan semuanya baik, kalau ditebuk tupai satu takkan semua hendak terbang pokok, tetapi kalau boleh jangan ada yang ditebuk tupai, itulah bertambah baik bagi kita, biar kerja kita bertambah beres lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kuasa kepada yang di bawah Ketua-ketua. Kerap kali kita ada pergi ke pejabat, bila kita Ketua berkenaan tak ada, Pemangku dia atau nombor dua tak ada kuasa, sepatutnya kuasa ini juga kita beri kepada Penolong kanan. Jangan bila tak ada satu Ketua, seorang pergi hendak berjumpa dengan pihak berkenaan, saya tak boleh buat apa kerana kuasa bukan ada pada saya. Kalau sudah tak ada kuasa buat apa duduk pejabat di situ, jadi sepatutnya ada kuasa, biar benda itu berjalan. Macam kita dalam Majlis ini, Yang di-Pertua tak ada, Timbalan Yang

di-Pertua ada, mesyuarat jadi juga. Jadi jangan bila satu orang yang jadi pemangku, saya tak ada kuasa. Bila saya tak ada kuasa, macam saya kata tadilah, biarlah pemangku ataupun timbalan itu ada kuasa, walaupun kuasa tak banyak tetapi masa Ketua tak ada, kuasa itu mesti ada juga. Apa yang saya katakan ini saya dapati banyak disungutkan oleh setengah golongan dan saya sendiri pun kadang-kadang kedapatan apa yang saya kata. Jadi saya haraplah kuasa itu patut diberi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya juga kepada apa yang tak cukup kita belanja ini. Satu lagi dalam segi jawatan saya suka sentuh, Pesuruhjaya-pesuruhjaya ini bagus, mereka ini memilih orang. Dengan mereka inilah mengambil baik pekerja keretapi, pekerja awam dan sebagainya tetapi kuasa kepada Ketua Pejabat itu kadang-kadang tak ada. Misalnya satu Ketua Pejabat bila didapati anak tangan pegawai di bawahnya bersalah, dia tak ada hak hendak buang atau hendak beri denda kerana kuasa mengambil ialah kuasa Pesuruhjaya. Pendek kata kalau benda itu tak baikpun dia pakai setakat boleh lapor, habis baik dia hantar surat kata patut ditukar, itu habis baik, hendak ambil tindakan lebih daripada itu tak berupaya walaupun dia tahu betul-betul pegawai di bawahnya tak menjalankan tugas dengan baik kerana dia tak ada kuasa. Saya haraplah kuasa ini juga patut diberi. Kalaulah kita dapati satu Ketua Pejabat yang betul-betul bertanggungjawab, ada anak tangan di bawah tak bertanggungjawab, apa yang direport itu patutlah kita kaji. Kalau didapati benar, patutlah diberi kuasa kepada dia sama supaya jangan dia sebagai Ketua Pejabat tak ada kuasa langsung. Orang buat baik atau tak baikpun tak hairan. Ini kadangkala banyak pegawai Kerajaan tak indah kepada boss atau Ketua Pejabatnya. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, "boss" itu Ketua Pejabatlah. Saya haraplah perkara ini patut diubahsuai dengan keadaan, baru kerja kita selamat.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya juga kepada soal-soal pendapatan kepada rakyat. Kita ini agak saya yang banyak kita keluarkan wang banyak perkara yang kita import daripada luar negeri, jadi wang kita banyak di luar negeri. Saya berharap sangat-sangatlah, saya agak kalaulah dapat bahan-bahan yang ada dalam negara kita, apa bahan pun dapat

kita proses sendiri, saya agak kewangan kita pun bertambah lagi kerana kalau kita import macam beras setahu saya, Kerajaan import dengan memberi subsidi lagi kepada rakyat. Jadi kalaulah bahan-bahan yang ada dalam negara kita macammana kita tahu hari ini getah kita eksport kerana kita tidak boleh buat, kalaulah boleh kita proses di sini itu saya ingat lebih baik, begitu juga macam kelapa sawit patut kita proses di sini, setahu saya buat kilang dan kalau boleh kita buat segala-galanya dapat kita gunakan di sini. Begitu juga bahan yang terbit daripada bahan pertanian, misalnya jerami ataupun sekam. Saya dapat tahu kalaulah berita ini benar, ura-ura yang dikeluarkan oleh Timbalan Perdana Menteri sekam atau jerami akan diusahakan di Malaysia kita sendiri. Ini saya ucapkan tahniah kerana dengan adanya perusahaan macam ini membawa senang kepada penduduk kita sendiri walaupun kita banyak kilang, banyak industri, kita tak nafi penganggur, orang tak ada kerja masih banyak.

Oleh sebab itulah bila satu jawatan akan dipakai, misalnya, Jabatan Taliair (JPT) baru-baru ini di Perlis, hendak pakai 25 orang, yang memohon 1,300 orang, diproses ambil pangkat pertama 800 orang, hendak pakai 25 orang. Jadi saya tak nafi kerja kita banyak, kerja dalam FAMA ada, JPT ada, JKR ada tetapi kalau satu kosong yang memintanya tak kurang.

Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, macam dalam Parlimen ini. Baru-baru ini saya dapat tahu kita ambil seorang Penolong Setiausaha yang ada bersama kita baru ini. Saya bertanya kepada pihak yang berkenaan berapa orang yang minta, katanya tak kurang daripada 50 orang, yang diproses hendak temuduga itupun 50 orang, itulah banyaknya. Jadi kalaulah segala bahan-bahan yang ada dalam negara kita, kita dapat proses sendiri, macam selalu saya kata ini mendapat untung banyak, penganggur ini kita hendak kena fikir selain daripada kita sendiri hendak menambahkan pendapatan kepada kita.

Dengan sebab itu saya cadangkan di sini segala bahan-bahan itu dapat kita proses sendiri apa sahaja yang kita keluarkan di sini dan diutamakan juga mencari jalan. Kalau benda itu yang tak cukup dalam negara kita di sini, macam saya kata FELDA yang mana FELDA ini telah memainkan peranan yang

penting menolong rakyat dengan kelapa sawitnya, dengan getahnya dan sedikit tebu-nya yang ada di Chuping, Perlis yang cukup manis dan menjadi sedikit di Padang Terap, negeri yang tak menjadi saya tak payah sebutlah. Saya harap sangat-sangatlah kalau boleh FELDA mencari jalan lagi, berikhtiar lagi kalau-kalau ada tanah, tempat yang lebih sesuai ditanam tebu selain daripada Perlis. Kalau tanah di Perlis sungguh subur boleh ditanam tebu pun saya ingat tak mencukupi, maklumlah Negeri Perlis sebuah negeri yang kecil—316 batu, tempat hendak dudukpun hendak lagi tetapi nasib baik tanahnya cantik dan cukup manis dengan keadaan tanaman tebu.

Jadi jangan apa yang telah berlaku saya dapat tahu daripada Radio tadi taklimat yang diberi oleh Pengurus Besar, Kilang Gula Chuping, Perlis pada pertengahan bulan ini haruslah kita tak bimbang sangat tentang kekurangan gula, tetapi saya takut balik bak kata orang jangan terjadi sebagaimana kata: itek mati kehausan di air, ayam mati kelaparan dalam jelang padi. Ini janganlah kami di Perlis pula tidak boleh makan gula sedangkan gula dikeluarkan daripada kilang gula yang ada di utara Perlis, jadi dijual sampai habis. Saya harapliah kepada pihak Kerajaan sebelum hendak diberi ke tempat lain utamakanlah di tempat kami dahulu ataupun di negeri yang berhampiran.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, macam saya kata tadi, saya tegaskan, tolong ikhtiar di mana-mana tanah yang bersesuaian patut ditanam tebu lagi, ikhtiarlah tempat yang bersesuaian. Macam saya selalu kata, saya pun tak mengerti cara mana yang betul soal ekonomi kita. Benda yang kita bergantung kepada eksport kita bersungguh-sungguh, misalnya barang kita hendak hantar ke luar negeri, baik getah, bijih timah kita berikhtiar sungguh-sungguh buat cara besar-besaran, tetapi bukan kita tak tahu.

Kalau takdir satu hari terjadi malapetaka, perhubungan kita satu dengan lain tidak ada, misalnya, macam satu ketika semasa saya kecil dahulu—barangkali Timbalan Menteri Pelajaran tidak ada lagi masa itu, tahun 1941 semasa Jepun melanggar Malaya, masa getah tidak ada harga, tidak boleh dibuat apa, cuma buat minyak getah—sayapun tidak tahu buat, ada kawan-kawan tahu buat, buat

kasut getah, kadang-kadang bila kita tinggal, kucing larikan kerana baunya cukup syok walaupun dia cantik ditengok.

Kita bergantung kepada getah dan segala bahan ini semasa berharga tetapi apa yang kita masih mencari dan tidak cukup, misalnya, padi. Kalau kita tidak usaha sungguh-sungguh daripada sekarang, takdirnya terjadi—saya tidak mahu terjadi semasa Perang Jepun dahulu, saya tidak mahu, saya tidak mahu terjun telaga, saya tidak mahu takut begitu. Saya harap anak-anak muda kita tidak menghadapi keadaan itu, tetapi apa yang saya kata ini satu kenyataan yang saya sendiri biasa mengalami, bila berlaku keadaan begitu apa yang kita hendak import pun tidak guna, eksport pun tidak boleh, melainkan yang penting apa yang ada dalam negara kita sedangkan beras kita tidak cukup kita tidak ikhtiar sungguh-sungguh. Gula tidak cukup kita tidak ikhtiar sungguh-sungguh. Saya tidak mahu melarang benda yang kita hendak eksport itu supaya tidak payah dibuat, buatlah juga tetapi benda yang tidak cukup ini patut kita usahakan.

Hari ini kita baik dengan jiran-jiran kita, dengan ASEAN kita baik, tidak ada menyekat, kalau satu hari terjadi macam tahun 1941 apa hendak kata, ini bukan ingatan tetapi apa yang telah terjadi. Orang yang sudah berumur 40 tahun lebih merasalah tetapi orang yang muda tidak merasa benda ini, tetapi ini betul-betul berlaku dalam negara kita. Dengan sebab itu sekali lagi saya minta Kerajaan kita hari ini selain daripada benda yang dieksport itu diusahakan, benda yang diimport, ertinya benda yang tidak cukup yang terpaksa dicari, walaupun benda itu tidak cukup tetapi terpaksa diadakan kerana hendak makan patut dilipatgandakan.

Misalnya, pertanian seperti saya katakan tadi berilah subsidi yang lebih banyak supaya petani-petani menanam banyak padi, beri latihan yang lebih banyak. Misalnya, dalam pertanian 21 dibuat latihan dan lawatan. Kadang-kadang ke langit tidak sampai, ke bumi tidak sampai. Katanya 2L tetapi benda itu tidak cukup. Jadi, berilah benda ini dengan cukup.

Begitu juga tentang bantuan-bantuan membaikkan dusun dan sebagainya. Kadang-kadang diberi tidak kena musim. Sepatutnya masa ini diberi benih, tetapi diberi semasa hujan sudah tidak ada. Tanaman kalau ditanam musim air tidak ada bukan kata anak, yang pokokpun akan mati. Tambahan kalau diberi anak tidak ada apa gunanya. Begitu juga keadaan pokok itu biar berseesuaian dengan keadaan tempat. Saya harap sangat-sangat benda ini diambil perhatian kerana kita hendak bahan kita cukup kerana kalau terjadi satu kesusahan kita akan mendapat sedihnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat boleh bercakap panjang lagi. Tetapi saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab esok selepas daripada soal jawab (*kepada Tuan Shaari bin Jusoh*): Duduklah, macam mana ini? Duduk tidak, berdiri pun bukan (*Ketawa*). Jadi saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab selepas daripada soal jawab esok kerana Peraturan Mesyuarat 67 (5) hanya membenarkan tidak lebih daripada sehari membahaskan dasar am. Saya nampak dalam senarai saya ada 3 Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap—yang ada di sini, barangkali ada hendak bercakap lagi, jadi kalau dapat diringkaskan sedikit supaya dapat Ahli-ahli yang lain bercakap. Sila!

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakap ini adalah kenyataan, ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan kita yang kita harap bekerja dengan baik tetapi masih ada pegawai-pegawai ini yang tidak mempunyai rumah lagi. Jadi patutlah Kementerian berkenaan mengusahakan supaya tiap-tiap pegawai Kerajaan mesti ada rumahnya sendiri, kalau tidak ada rumah sendiripun tidak ada tempat, menyewa di tempat jauh apatah lagi tidak selisa, bagaimana hendak bekerja dengan baik, kalau tempat tinggal diapun tidak berapa selisa. Saya rasa bukan sahaja di Perlis, perkara ini harus di tiap-tiap negeri berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kalaulah kita hendak memajukan bandar dengan adanya Jawatankuasa Perbandaran,

Majlis Tempatan dan sebagainya diberi peruntukan, saya berharap sangat-sangat kepada tiap-tiap kampung, misalnya, patut diadakan Jawatankuasa Kemajuan Kampung, kawasannya dalam kawasan Penghulu ataupun Penggawa kalau di Kelantan, biarlah kita beri elaun yang berpatutan. Jangan pihak Majlis Tempatan orang yang bagus-bagus kita beri elaun dan gaji sedangkan penduduk kampung ini kita hendak suruh kerja sahaja. Saya haraplah kepada penduduk kampung ini kita adakan Jawatankuasa Mukim yang dipengerusikan oleh Penghulu tiap-tiap mukim dengan diberi gaji ala kadar yang berpatutan. Janganlah kepada orang kampung ini kita suruh bekerja, berkhidmat yang kita pihak atas ataupun orang di bandar kerja bergaji atau elaun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah mengambil satu tindakan yang tegas mengaharamkan sebuah akhbar yang agak menyedihkan orang Islam bila mendengar. Saya berharap lain kali sekiranya ada apa-apa perkara yang seperti ini berlaku, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertanggungjawab di segala segi keselamatan dan menjaga perasaan manusia walau kaum mana sekalipun, apatah lagi U gama Islam sebagai ugama rasmi, kalaulah ada akhbar-akhbar yang seperti ini tutup, jangan ada tolak ansur lagi. Ini saya harap.

Begitu juga di segi Pendaftaran Pertubuhan. Ada setengahnya tidak pernah ditubuhkan. Saya berasa dukacita parti Pembangkang ini selalunya kecuah sangat. Kalau tidak pertubuhan pun, perkara-perkara yang berkaitan dengan polis. Silap sedikit hendak dibawa ke mahkamah, seolah-olah parti Pembangkang khasnya DAP—saya dengan DAP ini baik, saya tidak suka kacau, berkelahi, tetapi saya ingat kadang-kadang DAP ini seolah-olah tidak ada modal. Silap sedikit hendak dibawa ke mahkamah, silap sedikit polis, buat kacau, dia tidak beri, buat kacau, buat kata pepatah kalau kita tidak bersalah apa yang kita hendak takut. Seolah-olah mereka ini kalau hendak dikatakan bersalah pun duduk dalam Dewan, tetapi kalau hendak kata tidak bersalah, apa yang polis hendak ambil tindakan dia kacau dan silap sedikit dia hendak bawa ke mahkamah. Jadi seolah-olah tidak ada modal hendak

bincang secara umum. Saya berharaplah parti-parti Pembangkang yang saya anggap kawan baik kita ini ubahlah sikap itu sedikit, janganlah silap sedikit dibawa ke mahkamah dan jangan bila polis tahan, dilawan polis. Saya percaya kita teringat cerita semasa kita sama-sama bersekolah dahulu, iaitu Nabi Sulaiman (a.s.) hendak menangkap seorang budak yang mencuri. Beliau berkata, orang yang mencuri itu ada bulu di kepalanya. Budak yang mencuri itu raba kepalanya—dialah yang mencuri. Begitulah Pembangkang, bila datang satu undang-undang dia takut, seolah-olah barangkali dia selalu berada dalam keadaan salah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak tambah ialah apa yang disebut oleh kawan saya dari Ulu Muda mengenai Kementerian Penerangan, saya bersetuju, biarlah penerangan ini lebih rancak sedikit. Apa yang dikatakan oleh beliau itu betul. Gambar Kabinet, elok Kabinet hendak berhenti baru diterbitkan. Gambarnya Yang di-Pertuan Agong tidak ditukar sehingga ke hari ini, masih ada gambar Yang di-Pertuan Agong yang lama. Saya tidak tahu bila hendak bertukar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukacita, selalu kita ada temuduga (interview), bila ditanya pengetahuan am kepada kanak-kanak sekolah, kepada orang-orang yang mendapat SPM dan sebagainya, dia tidak tahu. Kadang-kadang ditanya siapa Yang di-Pertuan Agong, dia tidak tahu. Siapa Menteri Kabinet, dia tidak tahu, tambahan pula kalau ditanya Wakil Rakyat, lagi tidak tahulah (*Ketawa*). Tetapi kalau ditanya bintang filem, penyanyi pujaan—apa yang saya kata ini kenyataan, anak saya yang berumur 8 tahun, kelmarin saya bawa keluarga berkelah di Kuala Lumpur, dia nampak seorang penyanyi datang bersama-sama ke suatu tempat, dia kenal penyanyi itu. Saya terpinga-pinga. Dia kenal penyanyi. Umur 8 tahun sudah kenal penyanyi, tetapi kalau ditanya kepada mereka yang berkelulusan SPM yang sudah berumur 20 tahun ditanya nama Yang di-Pertuan Agong, kadang-kadang tidak tahu. Fasal apa? Tidak tahu. Jangan-jangan Yang di-Pertuan Agong yang dahulu dijawab dikatakan Agong hari ini. Ini bukan salah dia, salah Pejabat Penerangan tidak mengeluarkan gambar. Ini kenyataan.

Macam kata kawan saya tadi, Kabinet sudah hendak bubar baru keluar gambar. Esok Kabinet tidak ada. Saya harap Kementerian Penerangan tolonglah jaga. Ini bukan cara olok-olok, cara betul. Kita tidak boleh marah orang, bila temuduga orang tidak tahu hendak jawab pengetahuan am kerana Jabatan Penerangan yang menjadi alat sebaran am tidak beri tahu perkara ini. Saya harap sangatlah apa yang saya kata ini kenyataan, bukanlah kita hendak tengok gambar sangat, itu untuk orang tahu, kalau boleh gambar-gambar Wakil Rakyat diletakkan sama pun baik juga iaitu gambar yang kecil-kecil, macam yang kita buat di dalam Parlimen ini, tetapi setakat yang kecil sahaja, janganlah buat besar macam gambar Menteri. Ini gambar Setiausaha Parlimenpun tidak ada. Sepatutnya gambar itu ada. Soal Wakil Rakyat ini soal nombor tiga. Kalau gambar Kalau gambar Menteri keluar dahulu, Timbalan Menteri nombor dua, Setiausaha Parlimen nombor tiga patut disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Shaari bin Jusoh: Dalam 5 minit lagi. Ini saya rengkaskan.

Tuan Yang di-Pertua: 5 minit tak apa, sebab Ahli Yang Berhormat bercakap dalam bahasan Belanjawan dahulu 1 jam 40 minit. (*Ketawa*) Baik teruskan 5 minit lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga dalam soal kesihatan—Menteri Kesihatan ada di hadapan saya ucapkan terima kasih—Kementerian Kesihatan patut menggalakkan lagi Jawatankuasa Pelawat kerana masa dahulu ada supaya dapat sekali sekala melawat hospital supaya terasa sedikit jururawat itu walaupun bukan semua jururawat tak baik. Saya tahu dan saya biasa kata dalam Dewan ini ada setengah jururawat sangat baik, tetapi ada yang tengok orang tua dia acuh tak acuh. Kalau orang muda, misalnya, Menteri-menteri yang muda atau Wakil Rakyat yang muda yang belum 40 tahun apabila mereka melawat ke hospital kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, sehingga terus berkahwin dengan jururawat. Apa yang saya katakan ini ada kenyataan (*Ketawa*) tetapi yang saya sedih pesakit yang tua itu patutlah diambil berat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan dasar am. (Ketawa)

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya tulis di sini banyak, tetapi saya tak hendak bercakap sebab ada 3 orang lagi kawan saya hendak bercakap. Jadi sekali lagi saya berharap sangatlah kepada Kementerian berkenaan apa yang diluluskan ini saya yakin telah dikaji dengan teliti dan saya berharap sangat-sangatlah di masa yang akan datang apa sahaja yang kita perlu untuk negara saya fikir tentulah tidak menjadi halangan bagi Kerajaan kita untuk membuatnya, janganlah kita tunggu kerana tak dapat kelulusan kita tak mahu buat. Jadi pihak saya sebagai sama-sama anggota Kerajaan di bawah satu parti, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong dengan sepenuhnya permohonan yang diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.02 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan dalam pada itu saya ingin bercakap sedikit-sebanyak secara am mengenai perkara-perkara yang dipohon oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang tadi yakni dari Baling telah begitu kritikal atas masalah permohonan dan perbelanjaan kewangan oleh pihak Kerajaan, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat tersebut boleh jadi tidak membuat homework atau tidak pernah melihat atau tidak berpengalaman mengenai keadaan belanjawan negara yang dibuat oleh Parlimen ini sejak kita merdeka. Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, maka nilai-nilai hidup dan norma-norma hidup yang telah kita amalkan sejak kita merdeka sehingga hari ini, maka perlulah dipertahankan. Norma-norma hidup ini seperti saya katakan tadi adalah berasaskan pemerintahan secara demokrasi. Demi untuk menegakkan pemerintahan secara demokrasi itu maka beberapa perkara perlu dipertimbangkan, dipertahankan serta diperkekalkan oleh pemerintah yang wujud hari ini.

Soal yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, ada kaitannya dengan soal keselamatan, ada kaitannya dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, ada kaitannya dengan Jabatan Perdana Menteri dan ada kaitannya dengan semua Kementerian Kerajaan kita iaitu soal ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini sejak terasa benar kesan daripada Dasar Ekonomi Baru yang telah dilancarkan dan dijalankan oleh Kerajaan sejak 10 tahun yang lepas, kalau dahulu golongan bumiputra selalu melaung-laungkan bahawa mereka adalah terhimpit, mereka adalah ditahap 'survival' atau hidup mati, tetapi nampaknya pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, istilah atau kata-kata survival ini telahpun mula digunakan oleh golongan lain.

Saya ragu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada pemakaian istilah ini seolah-olah mengejar bayang ataupun sengaja dikoinkan (coin) supaya tujuan-tujuan tertentu yang bukan ekonomi, mungkin tujuan-tujuan politik dan mungkin juga tujuan chauvinistic hendak diteruskan atau hendak dihidupkan di kalangan-kalangan atau golongan-golongan tertentu dalam masyarakat kita.

Apa yang pernah menjadi masalah kepada golongan bumiputra nampaknya pada hari ini telah menjadi kebimbangan pula kepada pihak-pihak yang lain. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membuat perincian secara halus pihak bukan bumiputra atau sesiapa sahaja yang berkepentingan di negara ini sama ada orang tempatan ataupun orang asing tidak perlu memasuki bidang atau ruang survival ini kerana masih banyak udara di Malaysia yang boleh disedut, masih banyak ruang matahari di Malaysia ini, masing-masing dapat menikmati dan begitu juga masih banyak kekayaan di negara ini yang masih dapat ditimba oleh mereka yang sanggup hidup bersama dan bekerja keras di negara ini. Dan soal pokok, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ekonomi ini saya meminta pihak Kerajaan terutama sekali yang ada hubungan dengan pihak Kementerian-kementerian yang saya sebutkan tadi supaya sekali sekala cuba memerhatikan apakah slogan-slogan ataupun kata-kata ini sengaja dikoinkan kerana sebab-sebab yang tertentu dan dipergunakan oleh golongan-golongan yang tertentu.

Soal kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal agama. Soal agama di dalam sebuah negara yang berbilang bangsa ini adalah merupakan sebagai satu perkara yang sangat sensitif. Apatah lagi dengan terdapatnya unsur-unsur kebangkitan agama Islam di akhir abad ke-14 Hijrah dan hingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, maka berbagai ragam sama ada di kalangan umat Islam sendiri mahupun di antara umat Islam dan bukan Umat Islam. Saya tidak mengatakan bahawa, Tuan Yang di-Pertua, soal agama ini adalah soal orang perseorangan dan ianya perlu diserahkan kepada individu yang berkenaan, tetapi demi untuk menjaga nilai-nilai demokrasi dan kestabilan negara maka soal agama hendaklah juga diperhatikan dalam satu skop atau lingkungan kepentingan negara keseluruhannya. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kita patut melihat apakah sesuatu yang dibuat oleh satu-satu golongan agama itu tidak bertentangan dengan satu agama yang lain. Apakah ajaran yang dibawa oleh satu golongan agama itu tidak bertentangan dengan ajaran yang boleh menggugat agama yang lain. Saya tidak begitu arif, Tuan Yang di-Pertua, mengenai agama yang lain, tetapi kalau dipandang dari segi nilai agama Islam dan kalau dipandang dari segi keutuhan masyarakat Islam sudah mulai timbul bibit-bibit pada hari ini, tanda-tanda bahawa sedikit demi sedikit ada testing ground untuk mengetahui sejauh mana umat negara ini kukuh, kuat dan sanggup mempertahankan kemurnian agamanya.

Mungkin juga, Tuan Yang di-Pertua, masalah "Tamil Malar" itu merupakan satu "the tip of the iceberg" atau satu manifestasi daripada keadaan yang sebenarnya yang sedang merayap di kalangan masyarakat kita sekarang. Kalau beberapa tahun lepas telah ditimbulkan soal Freemason dengan caranya sendiri, maka pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, timbul pula perkara-perkara yang semacam ini, maka sudah sampai masanya pihak yang bertanggungjawab supaya mengkaji semula semua perkara yang ada kaitan dengan agama di negara ini kerana kalau sekiranya lepas dan bebas pada golongan-golongan agama yang berkenaan mungkin golongan-golongan agama yang lain akan merasa tersinggung dan akan merasai

sesuatu yang tidak enak dan ini akan mendorong sesuatu keadaan tidak menyenangkan dan mungkin akan menjadi satu time-bomb kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain saya ingin mencadangkan lantaran bangunan-bangunan masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah orang Islam perlu mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan, maka saya mengesyorkan supaya setiap bangunan sama ada kecil atau besar yang hendak dibangunkan oleh sebarang penganut agama sama seperti agama Islam hendaklah juga mendapat kebenaran dan kebenaran ini hendaklah diberi di dalam lingkungan-lingkungan untuk mempertahankan nilai atau norma-norma demokrasi demi untuk menjamin kestabilan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang ketiga ialah aspek politik, yang saya tujukan di sini ialah parti-parti politik. Parti-parti politik juga patut diperhatikan oleh pihak Pendaftaran Pertubuhan sejauh manakah parti-parti politik yang wujud di negara ini membawa kepada bibit-bibit timbulnya perpecahan di kalangan masyarakat sama ada di kalangan masyarakat agama. Umpamanya, di kalangan masyarakat Islam sesama Islam ataupun di kalangan masyarakat Islam dengan bukan Islam ataupun di kalangan masyarakat-masyarakat kita yang tidak berdasarkan garis-garis keagamaan, kerana demi untuk mencari sesuatu publisiti di negara ini maka tidak ada lain modal yang paling murah tetapi bernilai dipakai iaitu soal agama, soal bangsa dan soal bahasa. Soal-soal ini kerap digunakan oleh parti-parti politik di negara ini terutama sekali oleh Parti-parti Pembangkang.

Saya tidak menyeru supaya parti-parti politik ini diharamkan kerana ini adalah bertentangan dengan amalan demokrasi atau norma-norma demokrasi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, tetapi sekadar untuk mengadakan check and balance supaya mereka ini tidak terlampau, maka hendaklah juga diperhatikan supaya tidak timbul umpamanya faktor pemimpin-pemimpin kecil PAS di kampung mengkafirkan orang-orang dalam Barisan Nasional yang beragama Islam dan tidak timbulnya soal-soal seperti ini di kampung-kampung dan ini telah banyak merosakkan keadaan keharmonian di kalangan masyarakat kita di kampung-kampung.

Saya suka mengemukakan satu amaran kepada Kerajaan sekiranya perkara ini tidak dapat dibendung maka menjelang pilihanraya umum yang akan datang ini mungkin pada tahun 1983, maka peristiwa-peristiwa tahun 1964, peristiwa-peristiwa tahun 1969 yang banyak mengganggu-gugat di kalangan masyarakat Melayu akan timbul kembali. Selalunya banjir yang pertama mungkin dapat dielakkan, tetapi banjir kali yang kedua besar padahnya dan susah hendak dielakkan. Sebelum terlewat kita masih mempunyai 2 atau 3 tahun lagi supaya perkara-perkara ini dapat dibendung dan saya mencadangkan supaya pihak-pihak keselamatan dan pihak Pendaftar Pertubuhan sekali-sekala cubalah perhatikan perkara ini supaya jangan terlalu sangat dipergunakan oleh orang-orang yang sengaja hendak memecah-belahkan masyarakat Melayu di kampung yang tidak bersalah, yang tidak begitu mendalam masalah nilai-nilai politik dan tidak memahami masalah matlamat dan tujuan-tujuan politik dan mereka ini adalah menjadi mangsa kerana pertarungan oportunistik yang hendak mencari tempat di kalangan masyarakat itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya demi untuk menjaga nilai-nilai demokrasi dan kesetabilan serta keutuhan negara maka perlu diperhatikan akan badan-badan sukarela yang wujud di negeri kita ini, sejauh manakah badan-badan sukarela yang telah dibenarkan ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966. Sejauh manakah badan-badan ini telah bergerak, sejauh manakah badan ini ada setengahnya yang mengakui tidak berpihak kepada mana-mana dari segi politik, tetapi sekali-sekala cuba menghantarkan feelers, dengan izin, sekali-sekala mencuba-cuba dari segi tujuan politik mereka itu.

Saya tidak hendak mencabar mana-mana pihak tetapi adalah lebih baik sekiranya sesebuah badan itu merasakan sudah layak mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu, sudah mampu dan sudah berkewibawaan untuk menggantikan pucuk pimpinan dan pentadbiran negara ini, maka keluarlah daripada selimut yang diberikan oleh Akta Pendaftaran Pertubuhan tahun 1966 itu. Ini susah bagi kita, kalau mereka ini ke kampung-kampung walaupun di atas alasan bersyarah agama ataupun alasan bersyarah sivik, tetapi perkara yang mula-mula disyarahkan selepas memberi salam dan membaca Al-Fatihah ialah

maki-hamun kepada Kerajaan, seolah-olah segala yang dibuat oleh Kerajaan itu adalah tidak betul, seolah-olah kalangan mereka sahaja yang betul.

Dengan ini saya merasakan sudah sampai masanya pihak Pendaftar Pertubuhan dengan kuatkuasa Akta Pendaftaran Pertubuhan tahun 1966 itu cuba menentukan bahawa badan-badan ini tidak terkeluar daripada bidangkuasa masing-masing dan kiranya kuasa-kuasa yang diberi oleh Dewan yang mulia ini melalui Akta Pertubuhan 1966 itu tidak mencukupi maka hendaklah dicadangkan apakah cara-caranya supaya Akta Pendaftaran Pertubuhan ini disesuaikan supaya kita tidak boleh membenarkan setiap badan sukarela sama ada badan belia atau badan-badan lain sekalipun yang cuba berlindung disebalik Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 itu, tetapi yang sebenarnya adalah suatu perkara yang lain yang dibuatnya.

Saya tidak menunjukan perkara ini hanya kepada badan-badan belia yang mungkin disalah tafsirkan pada hari ini, tetapi juga saya menunjukan kepada badan-badan perniagaan, walaupun dari segi kepentingan kerana hendak menjaga pertubuhan-pertubuhan atau guild mereka masing-masing terpaksa memasuki bidang-bidang politik maka isytiharkan sahaja badan-badan ini sebagai badan politik dan kiranya mereka dapati badan-badan politik yang dianggotai oleh mereka selain daripada badan-badan perniagaan yang mereka anggotai itu belum mencukupi maka tubuhlah satu badan politik yang lain dan senanglah kita menentukan antara hitam dengan putih, antara baik dengan salah, antara benar dan tidak benar.

Akhirnya kepada Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah tajuk keselamatan dalam negeri supaya jangan teragak-agak, jangan tertunggu-tunggu untuk mengambil sesuatu tindakan demi untuk menjaga keharmonian demokrasi atau nilai-nilai hidup yang kita amalkan setakat hari ini, kerana hanya pergantungan kita, Insya Allah, ialah nilai-nilai hidup yang kita anuti pada hari ini, sekiranya nilai-nilai hidup yang kita anuti pada hari ini dikotori atau dicabuli oleh mana-mana pihak maka sukar bagi kita hendak kembali kepada nilai-nilai hidup ini dan sejarah telah menunjukkan bahawa banyak rakan-rakan kita bukan sahaja di kawasan-kawasan dunia

sebelah sini, tetapi di seluruh dunia terutama sekali di kalangan negara-negara yang membangun tidak lama dapat mempertahankan nilai-nilai demokrasi sebagaimana yang kita amalkan pada hari ini. Jadi demi untuk mempertahankan nilai-nilai ini, Tuan Yang di-Pertua, maka saya mencadangkan supaya tindakan, pandangan yang serius hendaklah diambil oleh semua pihak yang berkenaan sama ada pihak Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

6.17 ptg.

Tuan Au How Cheong: Tuan yang di-Pertua, oleh kerana masa adalah begitu singkat saya ingin mengambil satu dua minit sahaja. Di samping menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kementerian Tenaga Telekom dan Pos supaya menimbangkan sama ada kadar bayaran panggilan telefon antarabangsa itu patut dikaji semula.

Saya berpendapat bayaran panggilan antarabangsa buat sementara ini adalah amat tinggi jika dibandingkan dengan kadar bayaran negara-negara lain. Kebanyakan perkhidmatan telefon di negara-negara maju seperti Kanada dan Amerika adalah dijalankan oleh pihak swasta. Pada biasanya adalah dikatakan bahawa negara-negara yang mengamalkan sistem kapitalis peniaga-peniaganya hanya mahu mencari keuntungan yang besar sahaja dan bayaran-bayaran seumpama ini adalah tinggi. Tetapi apa yang terjadi ialah bayaran panggilan antarabangsa dalam negara-negara itu adalah lebih rendah lagi. Misalnya, bayaran bagi panggilan dari New York ke Malaysia ialah lebih kurang US\$10 bagi cakapan tiga minit atau lebih kurang \$23 dalam wang Malaysia, tetapi panggilan dari Malaysia ke New York kita harus membayar lebih kurang \$45 hingga \$50 atau dua kali ganda. Keadaan bagi panggilan ke England dan Kanada adalah lebih kurang sama juga iaitu lebih mahal bagi kita memanggil ke negara-negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, hubungan antara Malaysia dengan negara-negara lain makin lama makin bertambah erat. Bukan sahaja pihak diplomat dan perdagangan antarabangsa sahaja yang ingin mengadakan

komunikasi yang cepat untuk mengambil keputusan-keputusan dengan serta merta melalui telefon tetapi terdapat juga beribu-ribu penuntut kita sedang bersekolah di negara-negara barat. Ibubapa-ibubapa penuntut itu juga berkehendak supaya bercakap melalui telefon dengan anak-anak mereka dari semasa ke semasa dan kadar panggilan yang tinggi itu tidak menggalakkan mereka berbuat demikian.

Oleh itu saya ingin merayu kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos supaya mengkaji semula kadar panggilan antarabangsa dengan tujuan mengurangkannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.21 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua tahun 1980 yang dibentangkan di dalam Dewan ini dan tambahan perbelanjaan ini terpaksa diadakan oleh kerana Laporan Jawatankuasa Kabinet yang telah dikeluarkan itu telah menyebabkan pegawai-pegawai kita telah dinaikkan gaji.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting hendak saya sebutkan di sini ialah bahawa dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang inilah maka pegawai-pegawai itu telah mendapat kenaikan dan sebagai balasannya ialah kerja-kerja yang lebih dedikasi lagi hendaklah diberikan kepada Kerajaan agar dasar-dasar kita dapat dipelihara. Yang penting hendak saya sebutkan di sini ialah dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional adalah merupakan dasar yang diterima oleh semua kaum di dalam negara ini. Oleh itu setiap orang atau setiap kakitangan Kerajaan yang tidak setuju dengan dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional bermakna mereka ini tidak setuju dengan Kerajaan kita dan mereka itu kita menganggapkan sudah merupakan satu kecacatan di dalam perlaksanaan dasar Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita harapkan bahawa etika perkhidmatan yang disogokkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan itu hendaklah dipatuhi bukan sahaja semasa pelancarannya sahaja dibaca dan dinikmati tetapi hendaklah diamalkan sebagai satu etika yang tidak akan dilupai. Walaupun

ada suara-suara yang mengatakan bahawa ramai pegawai-pegawai ini mempergunakan wang awam yang tidak betul sebagaimana disuarakan oleh Wakil dari Baling tetapi bagi saya mempercayai bahawa adalah amat susah bagi pegawai-pegawai ini mempergunakan ikut cara-cara yang salah, cara-cara yang tidak betul, cara-cara yang tidak diperuntukkan di dalam belanjawan bagi mempergunakan wang awam. Ini adalah disebabkan pegawai kita merupakan pegawai yang paling cekap di Asia ini dan juga yang kurang melakukan rasuah kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di Tenggara Asia ini tetapi yang penting di sini ialah jangan kita tercemar oleh nila setitik kerana banyak perkara-perkara walaupun sebaik mana sekalipun setitik nila ini akan tentu mencemarkan semua perkhidmatan Kerajaan yang kita agung-agungkan itu.

Begitu jugalah pembocoran rahsia-rahsia Kerajaan, selalunya pihak-pihak yang tertentu membocorkan rahsia ini bukan kepada pihak kita tetapi kepada pihak Pembangkang supaya membongkarkan rahsia-rahsia Kerajaan ini dan menampal balik muka Kerajaan. Jadi inilah merupakan satu perkara yang saya katakan tadi merupakan nila setitik boleh merosakkan susu sebelanga iaitu perkhidmatan Kerajaan seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan kita telah banyak memberi pertolongan di dalam membangunkan ekonomi negara ini baik di kalangan bumiputra, baik terhadap agama Islam sendiri. Walaupun ada pihak yang tidak mengakui tentang perkara ini tetapi Kerajaan di bawah Barisan Nasional telahpun berjasa kepada negara ini dan juga berjasa kepada agama Islam dan telahpun membuat sesuatu kepada agama Islam. Jadi kepada mereka yang tidak mahu meninjau ke belakang tentang perkara ini haruslah memahami bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang ada ini telahpun membuat kebaikan dan juga ketenteraman di dalam negara ini.

Saya bimbang kalau-kalau negara ini diperintah oleh parti-parti Pembangkang sebagaimana parti PAS atau DAP sudah tentu keamanan dan kecacatan negara kita

akan berlaku. Ini telah terbukti, kita tidak payah membuktikan kepada tempat yang jauh bagaimana Kerajaan PAS telah berkuasa di Kelantan, bagaimana dia mempergunakan segala kemudahan, segala keadaan dan segala kekayaan yang ada dalam negeri itu untuk kepentingan parti dan untuk kepentingan segolongan mereka dan mereka telah mempergunakan segala perbelanjaan awam untuk kepentingan mereka. Ini kita tidak dapat menafikan lagi dan itulah caranya akan jadi kepada negara kita kalau apa yang diharapkan oleh Wakil dari Baling tadi bahawa partinya akan memerintah di negara ini dan apa yang berlaku di Kelantan akan berulang kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat kepada pemimpin-pemimpin Pembangkang. Kadang-kadang pemimpin Pembangkang ini dengan tingkah lakunya, dengan kritik-kritiknya akan merendahkan kita dengan kata-katanya bukan untuk semangat kita untuk bekerja tetapi sebaliknya untuk melemahkan kita berkhidmat tetapi pemimpin-pemimpin seperti ini adalah pemimpin yang paling tidak bertanggungjawab.

Kadang-kadang saya juga cuba hendak mencabar Ketua Pembangkang sendiri yang telah cuba hendak menjilat ludah yang telah diluahnya iaitu beliau telah meletakkan jawatan tetapi cuba hendak menjilat balik apa-apa keputusan yang telah dibuatnya. Saya mencabar Wakil dari Petaling yang telahpun meletakkan jawatannya di dalam partinya tidak akan menjilat balik ludah yang diluarkannya itu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, kalau beliau menjilat balik ludahnya bermakna inilah pemimpin yang tidak tegas dan inilah akan jadi kepada negara kita kalau pemimpin seperti itu wujud dalam negara kita (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat, 5hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.